

**B A B**

**T I G A**

## BAB 3

### LATAR BELAKANG SEJARAH PERKEMBANGAN KOPERASI-KOPERASI ISLAM SEBAGAI INSTITUSI PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA.

#### PENDAHULUAN:

Gerakan koperasi di Malaysia telah bermula semenjak tahun 1922 bagi Negeri-negeri Melayu Bersekutu, dan tahun 1925 bagi Negeri-negeri Selat. Tetapi yang ada rekod sejarah hanyalah gerakan koperasi di Negeri-negeri Selat. Pada tahun 1925 hanya ada empat buah koperasi sahaja seluruh Malaysia, ahli-ahlinya seramai 500 orang dengan saham berjumlah RM8,980.00 sahaja.<sup>1</sup>

Semasa perang dunia kedua mula berlaku pada tahun 1941, lebih kurang 891 buah koperasi telah ditubuhkan, tetapi semuanya telah terhenti kecuali di Kedah dan Selangor.<sup>2</sup> Setelah perang tamat, sehingga tahun 1947, hanya 46 buah daripada koperasi tersebut yang dapat disusun semula. Tetapi pada tahun 1977, koperasi yang berdaftar di seluruh Semenanjung menunjukkan rekod pertambahan yang sangat menggalakkan sehingga berjumlah 1,346 buah, keahliannya seramai 850,000 orang dan mempunyai modal saham sebanyak RM400 juta dan jumlah kumpulan wang sebanyak RM800 juta.<sup>3</sup>

<sup>1.</sup> Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, *Koperasi Di Malaysia*, Petaling Jaya: Urusetia Angkasa, 1978, hlm.4.

<sup>2.</sup> Ibid.; hlm.12.

<sup>3.</sup> Ibid., hlm. 33 - 34

Setelah 53 tahun sejarah koperasi berjalan, sekarang (1995), beribu-ribu jenis koperasi telah didaftarkan di bawah Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia (JPKM). Tetapi hanya sebahagian kecil sahaja yang didaftar untuk menjalankan urusniaganya yang berlandaskan Islam. Koperasi tersebut dipilih untuk dibuat kajian sebagai sebahagian daripada institusi kewangan yang memberikan perkhidmatan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba kepada ahli-ahlinya; iaitu Koperasi Belia Islam (M) Bhd., Koperasi Muslimin (M) Bhd. dan Koperasi Al-Hilal (M) Bhd..

## **1. KOPERASI BELIA ISLAM SEBAGAI KOPERASI PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA:**

### **(1.1) Sejarah Penubuhan KBI.**

Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad atau sebutan ringkasnya **KBI**, telah didaftarkan pada 31hb. Mei, 1977 dengan nama asal Koperasi Kebangsaan Belia Islam (M) Berhad, sebutan ringkasnya dahulu ialah Koop KBI telah dilulus untuk beroperasi di seluruh Malaysia.<sup>4</sup>

KBI ditubuhkan oleh Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) semenjak 17 tahun yang lalu. Kaedah urusniaga yang dipakai dalam operasinya ialah urusniaga yang berlandaskan hukum-hukum dalam Fiqh Mu'amalat Islam. Kaedah tersebut yang pertama sepertinya dilaksanakan dalam sistem kewangan Islam, sebelum Bank Islam melaksanakannya.

---

<sup>4</sup>. KBI, Undang-Undang Kecil, Kuala Lumpur: KBI, 1977, hlm 1.

## **(1.2) Undang-Undang Kecil.**

Oleh kerana KBI adalah pelopor pertama yang ingin melaksanakan sistem kewangan Islam dalam koperasinya, maka Undang-Undang Kecilnya mestilah mengikut undang-undang yang dibenarkan oleh Pendaftar Koperasi. Pendaftar belum bersedia menerima Undang-undang yang agak berlainan dari yang ada di Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia. Oleh itu KBI terpaksa berjalan mengikut Undang-Undang Kecilnya yang terikat dengan Undang-Undang Koperasi Malaysia yang tidak berlandaskan Islam. Walaubagaimanapun, KBI tetap bolch berjalan mengikut kaedah Fiqh Mu<sup>c</sup>amalat Islam dalam urusniaganya dengan ahli-ahli KBI.

Dalam Mesyuarat Agung Perwakilan KBI tahun 1995, satu pindaan Undang-Undang Kecil yang baru telah dibentangkan dalam mesyuarat perwakilannya, untuk diterima pakai bagi menggantikan Undang-Undang Kecil yang lama. Undang-Undang Kecil yang baru ini, lebih menjurus kepada hukum-hukum dalam Fiqh Mu<sup>c</sup>amalat Islam. Antaranya telah memuatkan beberapa peruntukan yang penting seperti:<sup>5</sup>

- (1) Perkara 7: Menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi yang sesuai dengan Shari<sup>c</sup>at Islam,
- (2) Perkara 55: Lujnah Shari<sup>c</sup>ah Koperasi,
- (3) Pindaan tambahan: Aturan Skim al-Qard al-Hasan,
- (4) Pindaan tambahan: Aturan Tabung Kebajikan,
- (5) Pindaan tambahan: Aturan Skim Pembiayaan Pembelian.

---

<sup>5.</sup> KBI, Undang-undang Kecil KBI, (pindaan 1995), hlm. 4, 27, 38, 41 dan 43.

Perkara-perkara yang tersebut itu, merupakan tambahan kepada pindaan Undang-Undang Kecil KBI. Tambahan yang tersebut menentukan lebih jelas tentang tujuan KBI mengikut Shara<sup>c</sup> dan urusniaganya mengikut hukum-hukum Mu'amalat Islam. Sebelum ini perkara-perkara seperti yang tersebut itu tidak boleh dimuatkan dalam Undang-Undang Kecil mana-mana koperasi, sehinggalah pada tahun 1986 barulah Pendaftar Koperasi bersedia mempertimbangkannya.<sup>6</sup>

### (1.3) Keahlian KBI.

Sehingga tarikh 31hb. Disember, 1994, jumlah ahli-ahli KBI yang telah berdaftar ialah seramai 7,052 orang. Memandangkan KBI adalah sebuah koperasi yang telah lama bergerak semenjak 17 tahun yang lampau, maka jumlah ahlinya masih dianggap sedikit, pertambahan ahli berdaftar agak lembab. Rekod pendaftaran ahli KBI adalah seperti dalam jadual di bawah:

**Rekod Jumlah Ahli-ahli KBI (1992 - 1994):**

Tahun	Ahli	Pertambahan	%
1992	5,656	369	6.5
1993	6,449	793	12.2
1994	7,052	603	8.5

Sumber: Laporan Tahunan KBI 1994.

<sup>6.</sup> Kenyataan bekas Pengerusi KBI, Ust. Ghazali bin Hj. Abdul Hamid.(pernah membuat perundingan dengan Pendaftar Koperasi).

Keahlian KBI pada tahun 1994 seperti yang ditunjuk dalam jadual di atas menurun, daripada 12.2 peratus pada tahun 1993 kepada 8.5 peratus pada tahun 1994. Tetapi kadar ahli yang berhenti pada tahun 1994 seramai 55 orang, dianggap rendah dari tahun-tahun sebelumnya. Antara sebabnya ialah kerana tidak dapat memahami syarat yang dikehendaki, gagal mendapat kemudahan skim, masalah kewangan dan ada yang bertukar kepada koperasi lain.<sup>7</sup>

#### **(1.4) Matlamat Dan Tujuan KBI**

Matlamat KBI seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecilnya ialah;<sup>8</sup>

*Untuk meningkatkan kepentingan ekonomi anggotanya mengikut prinsip-prinsip koperasi.*

Umat Islam umumnya tidak terlepas dari urusniaga kewangan yang melibatkan pinjaman dan pembiayaan. Mereka akan meminjam apabila kehabisan wang untuk membeli rumah, kenderaan, pakaian, pelbagai barang dan aneka peralatan yang mereka perlukan. Sudah berapa banyak wang yang mereka keluarkan untuk membayar pinjaman dan bunga pinjaman. Hidup umat Islam semakin terhimpit dengan pinjaman dan hampir menjadi hamba abdi kepada hutangnya. Pemberi pinjaman sudah kaya raya dengan bunga dan faedah, tetapi umat Islam masih ramai yang hidupnya tidak habis-habis membayar hutang sampai ke liang kubur.

<sup>7.</sup> KBI, Laporan Tahunan KBI 1994, (KL: KBI, 1994), hlm.26

<sup>8.</sup> KBI, Undang-Undang Kecil, (KL:KBI, 1995), Perkara 6, hlm.4.

Kenapa ini boleh terjadi kepada umat Islam, kenapa umat Islam sendiri tidak mengambil tempat menjadi pelindung dan penyelamat dari menjadi abdi kepada hutangnya. Inilah diantara matlamat KBI ditubuhkan. Melalui KBI, mereka memberi hutang, mereka boleh berhutang dan mereka juga boleh mendapat keuntungan dari hutang mereka sendiri, semuanya masuk ke dalam kocek mereka juga akhirnya, bahkan semuanya dijalankan dengan kaedah yang halal dan diredaya Allah s.w.t...

Melalui aktiviti pinjaman dan pembiayaan, Koperasi boleh meningkatkan ekonomi ahli-ahlinya dengan keuntungan urusniaga yang dijalankan, di samping menikmati harga istimewa sebagai seorang ahli dengan harga murah, mereka juga akan hanya dikenakan kadar keuntungan yang rendah ke atas pinjaman mereka. Aktiviti ini sekaligus dapat membantu ahli-ahli dalam semua keperluan, termasuklah sama-sama terlibat untuk melabur, bermiaga yang menghasilkan keuntungan, mahupun melakukan kebajikan dan khairat yang hanya mengharap pahala daripada Allah s. w. t..

Tujuan utama KBI pula ialah untuk:<sup>9</sup>

*Menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi  
yang sesuai dengan Shar'iat Islam.*

KBI telah menyediakan segala kemudahan melalui aktiviti dan kegiatan perniagaan, pelaburan, pinjaman dan pembiayaan kepada ahli-ahlinya. Semua

---

<sup>9</sup>. Ibid., Perkara 7, hlm.4.

kegiatan tersebut dirancang dan dilaksanakan mengikut prinsip-prinsip hukum Islam. Kalau sekadar hendak melabur, meminjam dan berurusniaga, maka sudah banyak bank dan koperasi menyediakan kemudahan tersebut, tetapi kenapa kita hendak dengan KBI, inilah yang membezakan tujuan kita dengan institusi kewangan dan koperasi konvensional. Seperti juga kelahiran Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) yang berbeza dengan kelahiran bank-bank konvensional yang lain, semuanya adalah bertujuan untuk lari dari riba yang dibenci Allah dan hanya mahu bermu'amalah dengan cara urusniaga Shari'at Islam yang diberkati oleh Allah s.w.t..

### **(1.5) Struktur Organisasi Pentadbiran Dan Pengurusan KBI.**

Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI), telah meletakkan struktur organisasi dan pengurusannya seperti berikut ini:

#### **(1.5.1) Mesyuarat Agung Perwakilan.**

Mesyuarat Agung Perwakilan adalah kuasa tertinggi dalam struktur organisasi KBI seperti yang boleh dilihat dalam **CARTA(2) Struktur Organisasi dan Pengurusan KBI**, Kedudukan tersebut selaras dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 24 (1) yang menyebutkan;<sup>10</sup>

*Tertakluk kepada kuasa-kuasa Ketua Pendaftar, kuasa tertinggi bagi Koperasi ini hendaklah terletak hak kepada mesyuarat agung perwakilan.*

---

<sup>10.</sup> Ibid., Perkara 24 (1), him. 11.

Mesyuarat Agung Perwakilan dalam KBI ada dua jenis. Iaitu Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan dan satu lagi ialah Mesyuarat Agung Khas Perwakilan. Ahli-ahli majlis mesyuarat terdiri daripada wakil-wakil yang telah dipilih di peringkat kawasan mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Undang-undang Kecil 25 (1) dan (2). Tetapi kuoram bagi sesuatu mesyuarat agung untuk menjalankan pekerjaan ialah satu pertiga daripada jumlah perwakilan, atau 100 orang mana yang kurang. Adapun kuoram bagi mesyuarat agung untuk membuat satu-satu keputusan atau membuat pindaan Undang-undang Kecil mestilah tidak kurang daripada dua pertiga dari jumlah perwakilan.

#### **(1.5.2) Lembaga Koperasi.**


Ahli-ahli Lembaga mestilah dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan. Lembaga dipertanggungjawabkan untuk mengelola hal ehwal Koperasi yang dianggotai sekurang-kurangnya 6 orang dan tidak lebih daripada 15 orang. Tetapi Mesyuarat Agung diberi hak melantik 10 orang dan Jawatankuasa Kerja ABIM pula diberi hak melantik 5 orang, iaitu selaras dengan peruntukan yang telah diberikan oleh Undang-undang Kecil 35.<sup>11</sup>

Kedudukan Lembaga adalah kedua tertinggi selepas kuasa Mesyuarat Agung seperti yang dapat dilihat dalam **CARTA (2)**. Lembaga diberi tanggungjawab untuk melaksanakan apa-apa yang telah diputuskan oleh Mesyuarat Agung. Lembaga berkawajipan memastikan pentadbiran serta pengurusan KBI disempurnakan dengan sebaik-baiknya selaras dengan kehendak Undang-undang Kecilnya.

---

<sup>11</sup>. Ibid., Perkara 35, hlm. 17.

**CARTA (2): Struktur Organisasi & Pengurusan KBI:**



Sumber: KBI, *AL-IQTISAD*, Bil.1/95 (1995)

Lembaga diberi kuasa untuk melaksanakan kewajipannya mengikut peruntukan Undang-undang Kecil 45 (2). Di samping itu liabiliti anggota Lembaga jelas diperuntukkan oleh Undang-undang kecil 46 yang menyebutkan;

*Lembaga hendaklah menggunakan hemat dan kebijaksanaan yang lazim bagi orang-orang dalam perniagaan dan hendaklah tertanggung ke atasnya bagi menggantikan sebarang kerugian yang berlaku akibat kelalaian atau kecuaian atau perbuatan-perbuatan yang berlawanan dengan Akta, peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil ini serta aturan-aturan aktiviti yang dibuat di bawahnya.*

#### **(1.5.3) Jawatankuasa Kerja.**

Ahli Jawatankuasa Kerja adalah dilantik oleh Lembaga untuk tujuan membantu kerja-kerja Lembaga. Ahli Jawatankuasa Kerja ini terdiri daripada Pengurus Lembaga dan tidak kurang daripada 4 ahli Lembaga. Tugas Ahli Jawatankuasa hanyalah membantu Lembaga untuk memikir dan memutuskan sesuatu keputusan yang berhubung dengan hal ehwal Koperasi dan tidak mengganggu urusan harian pejabat di bawah kuasa Pengurus Besar.

#### **(1.5.4) Lujnah Sharieah.**

Ahli-ahli Lujnah Sharieah dilantik oleh Lembaga, terdiri daripada sekurang-kurangnya seorang daripada ahli Lembaga Koperasi dan tidak kurang daripada 5 orang daripada alim ulama. Sifat-sifat ulama mestilah yang dihormati peribadi dan ilmunya dalam Sharieah serta dapat memahami kaedah-kaedah urusniaga masa kini.<sup>12</sup>

---

<sup>12.</sup> Ibid., (pindaan 1995), Perkara 55 (a), hlm 27.

Tugas Lujnah Shariah ialah membantu Lembaga di dalam hal-hal urusniaga Koperasi yang bersangkut paut dengan hukum-hukum Islam. Lujnah Shariah bertanggungjawab menyampaikan segala keputusannya tentang urusniaga KBI yang bertentangan dengan hukum-hukum Mu'amalat Islam untuk diambil tindakan. Walaubagaimanapun Lujnah hanya berurusan dengan Lembaga sahaja untuk memberi pandangannya, tanpa berurusan secara langsung dengan pentadbiran di bawah Pengurus Besar.

#### **(1.5.5) Jawatankuasa Audit Dalam.**

Ahli Jawatankuasa Audit Dalam dilantik oleh Mesyuarat Agung Tahunan Perwakilan dan keanggotaannya seramai tidak kurang daripada 6 orang. Mereka terdiri daripada ahli-ahli yang berkelayakan mengikut peraturan seperti yang telah ditetapkan dalam Undang-undang Kecil 15 dan 51.

Jawatankuasa Audit Dalam bertanggungjawab untuk memeriksa rekod perakaunan dan daftar lain yang berkaitan dengan KBI dan subsidiari-subsiarinya. Sefanjutnya, Jawatankuasa ini bertanggungjawab untuk memberi tahu Lembaga tentang perakaunan yang berlaku dalam pengurusan Koperasi, Selaras dengan kedudukan Jawatankuasa ini dalam KBI seperti dalam **CARTA (2)** yang lalu. Maka ia bertanggungjawab membuat laporan kepada Mesyuarat Agung Perwakilan yang telah melantikknya, tentang pengurusan dan hal ehwal Koperasi selaras dengan Perkara 53, Undang-undang Kecil KBI. Jawatankuasa ini berhak untuk berurusan dengan Pengurus Besar tentang perjalanan kewangan dan akaun KBI.

### **(1.5.6) Pengurus Besar.**

Pengurus Besar dilantik oleh Lembaga jika sekiranya Lembaga merasakan jawatan tersebut perlu diwujudkan, jika tidak maka kerja-kerja Pengurus itu akan dilakukan oleh Bendahari. Undang-undang Kecil (pindaan 1995) tidak menyatakan dengan jelas tentang perlantikan dan kedudukan Pengurus Besar, kecuali dalam perkara 45 yang sekadar menyebutkan;<sup>13</sup>

*Lembaga hendaklah mempunyai kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan berikut:-  
dengan mengeluarkan surat-surat rasmi, melantik, menggantung,  
membuang kerja, menetapkan kewajipan pekerja-pekerja  
termasuk Pengurus... .*

Kedudukan Pengurus hanya akan diperlukan, sekiranya Bendahari memerlukan jawatan sokongan, untuk melaksanakan kerja-kerja Bendahari yang tertakluk kepada Undang-undang Kecil KBI, Perkara 49. (2) yang menyatakan;

*Sebahagian daripada kewajipan Bendahari bolehlah, tertakluk kepada persetujuan Lembaga, diagihkan kepada Pengurus sekiranya seorang Pengurus dilantik oleh Kopersi dengan syarat tidak diberi kepadanya kewajipan-kewajipan yang mana Lembaga sendiri tidak dibenarkan menjalankannya.*

Merujuk kepada **CARTA (2)** yang lalu. Kedudukan Pengurus Besar dinyatakan dalam aliran struktur organisasi yang jelas sebagai ketua dalam urusan pejabat, ini dalam kadaan sekiranya Pengurus Besar dilantik oleh Lembaga. Tetapi sekiranya Pengurus Besar tidak dilantik, maka Bendaharilah yang menjalankan kerja-kerja urusan pejabat mengikut kerja-kerja yang telah disenaraikan dalam peruntukan Undang-undang Kecil KBI, Perkara 49. (1), (a) hingga (k).

---

<sup>13.</sup> Ibid., Perkara 45 (2) (n), hlm.22.

## **(1.6) Aktiviti Perniagaan KBI.**

Untuk mempertingkatkan ekonomi ahli seperti yang dinyatakan dalam matlamat KBI, maka KBI telah meleburkan diri dalam berbagai-bagai bentuk perniagaan. KBI telah menubuhkan beberapa anak syarikat untuk mengendalikan perniagaan yang sesuai dengan peruntukan Undang-undaang Kecil 7, yang menyatakan;

*Tujuan utama Koperasi ini ialah menjalankan kegiatan-kegiatan ekonomi yang sesuai dengan Sharicah Islam.*

Antara anak-anak syarikat yang ditubuhkan untuk menjalankan kegiatan ekonomi KBI ialah:

### **(1.6.1) KBI Departmental Store Sdn. Bhd.**

KBI Departmental Store adalah anak syarikat KBI yang telah memulakan operasinya pada 25hb. Disember, 1993 di Jalan Raja Harun, Kajang, Selangor. Sebelum itu KBI Trading di Jalan Raja Muda Abdul Aziz, Kg. Baru, Kuala Lumpur yang menjalankan perniagaan elektrik dan perabut telah diserahkan di bawah pengurusan KBI Departmental pada Februari, 1994.

Jenis perniagaan yang dijalankan oleh KBI Departmental ialah menjual barang elektrik, perabut kayu serta rotan, tulisan khat, permaidani, peralatan senaman, perisian komputer dan komputer peribadi. Sebuah cawangan telah berjaya ditubuhkan di Alor Star, Kedah pada 1994. Perkara yang paling penting ialah kaedah urusniaga yang digunakan ialah kaedah hukum al-Murâbahah, iaitu

menjual barang secara tangguh dengan harga yang telah siap dicampur antara kos dan kadar keuntungan.

Berikut ini ialah kenyataan jumlah jualan dan kutipan KBI Departmental Store tahun 1994:

**Jualan dan Kutipan KBI Departmental Store 1994:**

<b>Skim Jualan</b>	<b>Jualan (RM)</b>	<b>Kutipan (RM)</b>
Tunai	183,048.15	183,048.15
Ansuran Murabahah (3 atau 4 kali bayaran)	160,483.30	117,323.70
Skim Murabahah (1 tahun - 3 tahun)	2,110,363.70	368,924.93
<b>JUMLAH</b>	<b>2,453,895.15</b>	<b>669,296.78</b>

**Sumber:** Laporan Tahunan KBI, 1994

Aktiviti pembiayaan yang berasaskan skim *al-Murabahah* seperti jadual di atas, telah membantu ahli-ahli KBI membuat urusniaga dengan pembelian melalui KBI Departmental Store, sekurang-kurangnya dalam jadual yang dikemukakan di atas itu, dapat memperlihatkan kadar jualan dan kutipan KBI Departmental. Jumlah jualan pada tahun 1994 melalui tiga skim jualan secara tunai, ansuran 3 atau 4 kali bayaran, atau 1 tahun hingga ke 3 tahun; adalah berjumlah RM2,453,895.15. Tetapi wang kutipan pembiayaan hanya berjumlah RM669,296.78 sahaja. Dengan aktiviti ini, KBI ketara telah berjaya mewujudkan skim pembiayaan yang berasaskan hukum Muamalat Islam kepada ahli-ahlinya.

Sekurang-kurangnya ialah pembentukan yang dikeluarkan pada tahun 1994 melalui KBI Departmental, adalah berjumlah RM1,784,598.37 iaitu semenjak KBI Departmental ditubuhkan pada tahun 1993.

Dengan kegiatan KBI Departmental, ahli-ahli mendapat sekurangnya dua faedah; Pertama, keuntungan hasil dari perniagaan tersebut. Kedua, keuntungan membeli barang dengan kadar *murābahah* yang rendah ke atas pembentukan belian hutangnya itu. Di samping itu ahli-ahli mendapat faedah urusniaga yang mudah serta halal, tanpa riba, mengikut hukum *al-Murābahah*. Aktiviti jualan barang yang tersebut di atas itu, telah mencatatkan keuntungan bersih hasil jualan KBI Departmental Store 1994 berjumlah RM40,928.56. Walaubagaimanapun KBI Departmental telah menyatakan bahawa lori kepunyaan milik KBI Departmental Store bernilai RM43,255.64 itu telah dibeli secara sewapajak (leasing).<sup>14</sup>

#### **(1.6.2) KBI Travel & Tours Sdn. Bhd.**

KBI Travel & Tours Sdn. Bhd., adalah sebuah agensi pelancungan anak syarikat Koperasi Belia Islam Malaysia Berhad (KBI). Kegiatan utama agensi ini ialah meliputi jualan tiket penerbangan dan jualan pakej pelancungan dalam dan luar negara, termasuklah dalam pengurusan pakej Haji, Umrah, lawatan ke Timur Tengah dan China Muslim Tours.

Satu lagi pakej yang baru ditawarkan oleh agensi ini ialah Pakej Tamadun Islam, iaitu lawatan ke tempat-tempat yang ada kaitan dengan sejarah pemerintahan Islam pada kurun-kurun dahulu. Antaranya ialah seperti lawatan ke

---

<sup>14</sup>. KBI, Laporan Tahunan KBI (1994), hlm. 68.

Maghribi (Morocco), Sepanyol, Uzbekisthan, Turki, Mesir, Iraq, Syria serta Yaman.

Berikut ini adalah rekod jualan tiket penerbangan dan pelancungan KBI Travel & Tours dalam tahun 1993 dan 1994.

**Perniagaan KBI Travel & Tours 1993 & 1994**

Tahun	Jualan Tiket RM	Keuntungan RM
1993	226,231.00	8,359.16
1994	300,000.00	10,115.00
<b>JUMLAH</b>	<b>526,231.00</b>	<b>18,474.16</b>

**Sumber: Laporan Tahunan KBI 1994.**

Bidang perniagaan KBI yang kedua ini, tidak kurang pentingnya untuk memperkuuhkan kedudukan KBI, sebagai koperasi yang mampu memberikan pinjaman dan pembiayaan kepada ahli-ahlinya. Agensi pelancungan yang diceburi oleh KBI Treval & Tours, bukan sahaja memudahkan ahli untuk berurusniaga untuk membeli tiket penerbangan dengan harga istimewa sebagai harga ahli, tetapi juga bolch membeli tiket melalui skim pinjaman atau pembiayaan yang disediakan oleh KBI sendiri. Tentu sahaja setiap pembelian tiket penerbangan dan tiket pelancungan adalah merupakan sumbangan kepada pelaburan ahli-ahli KBI dalam bidang pelancungan.

Jadual yang dinyatakan di atas, menunjukkan kadar keuntungan yang diperolehi oleh agensi pada tahun 1994; meningkat sebanyak 8.26 peratus kepada RM10,110.00. Berbanding tahun 1993, keuntungan yang diperolehi sebanyak

RM8,359.16 sahaja. Pertambahan tersebut adalah disebabkan oleh agensi memperkenalkan pakej pelancungan yang berjaya menarik ramai ahli-ahli KBI dan orang ramai.

#### **(1.6.3) KBI Industries (M) Sdn. Bhd.**

KBI Industries (M) Sdn. Bhd. adalah sebuah anak syarikat KBI yang telah ditubuhkan pada bulan Jun, 1994. KBI Industri sedang giat menjalankan perniagaan dalam bidang pembekalan, alat tulis, perabut, elektrik, bahan kimia, peralatan TASKI Sri ABIM, serta pembekalan bahan-bahan binaan.

Pencapaian jualan KBI Industries Sdn. Bhd. pada tahun 1993 dan tahun 1994 adalah seperti yang dinyatakan dalam jadual di bawah ini:

#### **Jualan dan keuntungan KBI Industri 1993-1994**

Tahun	Jualan	Keuntungan
1993	600,000.00	14,292.65
1994	1,047,962.00	71,518.00
JUMLAH:	1,647,962.00	85,810.65

#### **Sumber: Laporan Tahunan KBI 1994**

Kadar pencapaian jualan sepanjang tahun 1994 berjumlah RM1,047,962.00, iaitu 60 peratus meningkat dari kadar jualan tahun 1993 yang berjumlah RM600,000.00. Tetapi jualan tahun 1993 ialah jualan di bawah KBI Trading, semenjak KBI Industries ditubuhkan KBI Trading telah diserahkan kepada KBI Industries. Pertambahan jualan sebanyak 60 peratus adalah disebabkan KBI

Industries menumpukan banyak jualan kepada bahan-bahan binaan rumah yang memenuhi permintaan ramai.

#### **(1.6.4) KBI Auto Sdn. Bhd.**

KBI Auto Sdn. Bhd., adalah anak syarikat KBI yang ditubuhkan pada 10hb. June, 1993. Tetapi operasinya bermula lewat iaitu pada 1hb. Ogos, 1994 dengan mendapat lesen menjadi pengedar Isuzu di bawah Automotive Corporation Malaysia (ACM).<sup>15</sup> Kini KBI Auto telah melibatkan diri dalam perkhidmatan pengangkutan seperti lori, bas, bas sekolah, pembekal kayu, simen dan pasir. Selain dari itu KBI Auto juga menjadi wakil penjual tayar dan alat ganti, mengadakan pusat servis kenderaan, wakil insuran MNI Takaful, serta wakil Kewangan Bank Islam (M) Bhd..

KBI Auto tidak memberi penyata kewangan dalam perniagaannya. Walaubagaimanapun dalam Laporan Tahunan KBI 1994, KBI Auto telah menyatakan catatan pinjaman dan pembiayaan dengan hutang perdagangannya sebanyak RM262,745.00, pinjaman jangka panjang sebanyak RM148,929.00, pemutang perdagangan pula sebanyak RM68,201.00 dan pelbagai pemutang sebanyak RM210,012.00.<sup>16</sup>

#### **(1.6.5) Infoprint Sdn. Bhd.**

Infoprint Sdn. Bhd. adalah salah sebuah anak syarikat KBI yang diperbadankan pada 24hb. Ogos, 1994 untuk menjalankan perniagaan yang

---

<sup>15.</sup> *Ibid.*, hlm.34

<sup>16.</sup> *Ibid.*, hlm.34, 63, 65 & 73.

berasaskan kertas, iaitu sebagai sebuah syarikat percetakan yang mengeluarkan produk-produk seperti buku-buku rampaian dan latihan sekolah, buku-buku rekod dan foolscap, buku-buku lejar dan akaun, kertas jawapan peperiksaan, dan sampul surat.

Masalah yang dihadapi ialah pelanggan utama Infoprint datang dari pihak sekolah dan pusat-pusat pendidikan yang permintaannya adalah bermusim, di samping itu Infoprint sering menghadapi kekurangan bahan mentah seperti kertas dari pembekal utamanya. Infoprint akan cuba mengatasinya dengan mengimport sendiri bahan mentah tersebut. Ianya akan menjadi pelaburan yang besar untuk ahli-ahli KBI. Kerana itu Infoprint tidak mengeluarkan penyata kewangannya selain dari catatan penghutang perdagangan pada tahun 1994 sebanyak RM103,469.00 dan pelbagai hutang sebanyak RM49,000.00.<sup>17</sup>

#### **(1.6.6) KBI Properties Sdn. Bhd.**

Sebuah lagi anak syarikat KBI ialah KBI Properties Sdn. Bhd. yang ditubuhkan pada bulan Jun, 1993, tetapi hanya memulakan operasinya pada bulan Oktober, 1994. KBI Properties ditubuh untuk menjalankan projek harta tanah untuk ahli-ahli KBI. Syarikat ini sekarang sedang mengusahakan projek tanah Sg. Tangkas yang kini sedang menunggu kelulusan kerajaan untuk menjalankan kerja-kerja infrastruktur, pelan-pelan yang berkaitan masih dalam penelitian Jabatan Teknik.

Projek tersebut menyatakan pelbagai pembiutang KBI, pada tahun 1994 sahaja pembiutang harta tanah Sg. Tangkas berjumlah RM2,990,287.57, berbanding

---

<sup>17.</sup> Ibid., hlm.35 & 60.

dengan tahun 1993, jumlah pembiayaan ialah sebanyak RM2,067,942.80. Walaubagaimanapun KBI Properties mampu mencatatkan keuntungannya seperti yang dilaporkan dalam Laporan Tahunan KBI 1994 seperti dalam jadual di bawah ini:<sup>18</sup>

### **Keuntungan KBI Projek Sg. Tangkas:**

Tahun	Keuntungan
1993	<b>RM577,912.50</b>
1994	<b>RM144,644.44</b>
<b>JUMLAH:</b>	<b>RM722,569.94</b>

**Sumber: Laporan Tahunan KBI (1994)**

Keuntungan pada tahun 1993 mencatatkan kadar keuntungan yang tinggi iaitu sebanyak RM577,912.50, berbanding pada tahun 1994 keuntungan didapati hanya RM144,644.44 sahaja. Jualan menurun tahun 1994, kerana KBI Properties telah menghentikan jualan tanah, sementara menunggu kelulusan pihak kerajaan, apabila lulus sahaja maka kadar harga baru dijangka naik sedikit, sesuai dengan kemudahan dan pemecahan gran pemilikan tanah, akan diambil kira dalam menentukan harga semasa yang lebih adil.

KBI Properties juga telah diserahkan oleh KBI untuk menguruskan pembinaan **Pusat Perubatan Kampung Baru**. Bangunan setinggi empat tingkat itu terletak di Jalan Raja Alang, sedang diubahsuai untuk dijadikan bangunan Pusat Perubatan Kampung Baru. Projek tersebut menelan belanja RM5,438,048.00 termasuk harga bangunan dan kos ubahsuai. Bangunan tersebut telah dicagarkan

---

<sup>18.</sup> Ibid., hlm 48 & 64.

kepada sebuah institusi kewangan bagi membiayai pembeliannya dengan caj RM61,931.04 bagi tahun 1993.<sup>19</sup>

### **(1.7) Pembangunan Kakitangan.**

Koperasi Belia Islam Malaysia (KBI) seperti juga koperasi-kopersi lain sering mengambil berat tentang pembangunan kakitangannya, pendedahan kepada kursus-kursus, seminar-seminar, motivasi dan hubungan silaturrahim sesama kakitangan sentiasa diambil perhatian seperti program Hari Keluarga KBI, antara kakitangan induk dan anak-anak syarikatnya telah diadakan pada tahun 1994 di Pulau Langkawi.

KBI juga sering memberikan latihan dan kursus kepada kakitangannya dengan menghantar mereka berkursus di Maktab Kerjasama Malaysia dan Angkasa. KBI sendiri bersama Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM) sentiasa menganjurkan seminar yang melibatkan pendedahan kepada kakitangan KBI seperti yang diadakan di Kem Kemensah dan sebagainya.

### **(1.8) Kesimpulan.**

Berdasarkan kepada enam buah anak-anak syarikat KBI yang ditubuhkan itu, nyatahal KBI telah berusaha menggerakkan kegiatan ekonominya dengan menubuhkan anak-anak syarikat untuk merebut pertumbuhan pesat ekonomi negara yang bergerak pantas. Sesuai dengan pengalamannya selama 17 tahun di bidang urusniaga koperasi yang berlandaskan Mu'amalat Islam, maka kita percaya banyak

---

<sup>19.</sup> Ibid., hlm.68.

pahit manis yang terpaksa dilalui oleh KBI. Sedikit sebanyak KBI telah menyumbang perubahan ekonomi negara, terutama pada waktu sistem kewangan konvensional yang bergelumang dengan riba masih berakar umbi dalam urusniaga pinjaman dan pembiayaan yang sangat-sangat diperlukan oleh umat Islam. Saat itu umat Islam tidak ada pilihan dan tidak ada alternatif untuk lari dari riba yang sangat dibenci oleh Allah itu. Tiba-tiba KBI lahir menawarkan suatu sistem kewangan Islam yang mampu memberikan alternatif dalam urusniaga pinjaman dan pembiayaan tanpa riba. Al-HamduliLlah KBI berjaya.

Kini KBI telah mempunyai anak-anak syarikat yang menggerakkan pembangunan ekonominya, cuma terdapat sedikit kekaburuan dalam pembangunan anak-anak syarikat itu sendiri semacam tidak begitu jelas. Kita terima dan menyokong KBI sudah berbuat sesuatu dengan penubuhan anak-anak syarikatnya itu, tetapi dalam laporan kewangannya, hanya 3 anak syarikat sahaja yang mencatatkan keuntungan dalam Laporan tahunannya, seperti KBI Departmental Store, KBI Travel & Tours dan KBI Industries. Sebuah anak syarikat lagi, iaitu KBI Properties, hanya menyatakan catatan tanggungan hutangnya hampir 3 juta (RM2,990,287.57), di samping mencatatkan keuntungan yang diperolehi pada tahun 1993 dan 1994 yang berjumlah sebanyak RM722,556.94 sahaja, iaitu tidak seimbang dengan tanggungan hutang yang dialaminya. Sementara 2 syarikat lagi, masing-masing mencatatkan tanggungan hutang dan pelbagai hutang.

Walaubagaimanapun, KBI berjaya membuka peluang pekerjaan kepada ahli-ahlinya, serta dapat menyalurkan sendiri wang pelaburan ahli-ahlinya ke dalam enam anak-anak syarikat yang telah ditubuhkannya. Di samping memberi kemudahan pinjaman dan pembiayaan di atas keperluan ahli-ahlinya, Maka KBI berjaya menjadi tonggak ekonomi Angkatan Belia Islam Malaysia (ABIM), serta

menjadi aset sokongan yang kuat dalam perkhidmatan pendidikan dan kesihatan yang dirancang oleh KBI.

Umumnya masyarakat Islam mengakui KBI sebenarnya telah dahulu menjadi pelopor awal dalam sistem kewangan Islam sebelum Bank Islam (BIMB). Dengan itu, sepatutnya KBI mampu menawarkan kepakarannya dan pengalamannya selama 17 tahun itu kepada institusi kewangan lain khususnya dalam gerakan koperasi Islam di Malaysia ini. Kegiatannya dalam bidang perniagaan dan urusniaga tanpa riba menjadikannya sebuah koperasi yang kukuh dan mampu memberikan khidmat pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, seperti yang kita bincangkan dalam tajuk tesis ini.

## **2. KOPERASI MUSLIMIN SEBAGAI KOPERASI PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA:**

### **(2.1) Sejarah Penubuhan Koperasi Muslimin.**

Koperasi Muslimin adalah nama ringkas Koperasi Muslimin Malaysia Berhad yang telah ditubuhkan pada 22hb. November, 1980. Idea penubuhannya dicadangkan oleh Persatuan Ulama Malaysia (PUM) yang disuarakan oleh Ust. Nik Mohd. Mahyuddin bin Musa sebagai Yang Di Pertua Persatuan Ulama Malaysia waktu itu dan bertugas di Kementerian Pendidikan Malaysia, sebagai Pengarah Pendidikan Agama. Dr. Abd. Hamid Othman diamanahkan supaya menjalankan usaha tersebut bagi mengelakui jawatankuasa pengasas yang dilantik oleh Persatuan Ulama Malaysia.

Kemudian Koperasi Muslimin telah didaftarkan di Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia Berhad, dan diluluskan pada 27hb. April, 1981, Bil. Koop IP.4364/1. Bil. Daftar KOOP NEGARA NO.48. Mula-mula pejabatnya menumpang di Pejabat Gabungan Pelajar-pelajar Melayu Semenanjung (GPMS), Jalan Sultan Selahuddin, Kuala Lumpur. Setelah itu berpindah pula ke bangunan Persatuan Guru-guru Agama di Jalan Ipoh, Kuala Lumpur. Kemudian berpindah lagi ke wisma Sharani, No.33-1, Lorong Raja Bot, Kg. Baru, Kuala Lumpur Akhirnya berpindah ke bangunan sendiri yang dibeli oleh Koperasi di alamat No.49A, Jalan Sarikai, Islamic City, Off Jalan Pahang, Peti Surat 11459, 50746 Kuala Lumpur pada tahun 1991.<sup>20</sup>

---

<sup>20.</sup> Koperasi Muslimin, Buku Panduan, Kuala Lumpur: Koperasi Muslimin, 1988, hlm 1

## **(2.2) Undang-Undang Kecil Koperasi.**

Dalam peringkat awal, Koperasi terpaksa berjalan di bawah Undang-Undang Koperasi Malaysia, kerana Pendaftar Koperasi Malaysia tidak dapat menerima Undang-Undang Kecil Koperasi Muslimin yang berlandaskan lunas-lunas Islam. Tetapi setelah beberapa perundingan diadakan dengan menerangkan secara jelas, kalau tidak kerana berlandaskan Islam, tidak ada makna Koperasi ditubuhkan, lebih baik dibubarkan dan berurusniagalah dengan sistem riba yang ada.

Setelah 7 tahun Koperasi beroperasi dengan sistem kewangan Mu'amalat Islam, di bawah Undang-Undang Kecilnya masih lagi tidak berlandaskan Islam. Beberapa perbincagan dengan Pendaftar Koperasi telah pun diadakan, sehingga sampai ke satu tahap bahawa Koperasi tidak mungkin lagi boleh menjalankan kegiatannya tanpa Undang-undang Kecilnya yang selaras dengan Mu'amalat Islam. Koperasi terpaksa menentukan keputusannya kepada Jabatan Koperasi Malaysia untuk pertimbangan terakhir, samada Koperasi Muslimin hanya boleh diteruskan hidup bersama dengan Undang-undang Kecilnya yang berlandaskan Islam, atau Koperasi terpaksa memilih jalan keluar dengan membubarkannya sahaja, dengan alasan bahawa; tujuan Koperasi ditubuhkan ialah untuk menjalankan urusniaga Islam dan lari dari hambatan riba yang dimurkai Allah itu.

Sekiranya Undang-undang Kecil Koperasi ini tidak berjaya diadakan, maka lebih baik Koperasi yang ditaja oleh Persatuan Ulama Malaysia (PUM) itu dibubarkan sahaja, sebelum PUM ditimpa fitnah yang lebih besar kerana Koperasi masih berpaut dengan Undang-undang yang mendukung riba. Sekalipun

sebenarnya Koperasi masih ada ruang melaksanakan sistem urusniaganya berlandaskan Islam, tetapi terpaksalah bersikap pandai makan pandai-lah simpan. Maka dengan kata dua itu, barulah Undang-Undang Koperasi Muslimin yang berlandaskan hukum-hukum Mu'amalat Islam itu diluluskan oleh Pendaftar Koperasi Malaysia, pada 14hb. Mei, 1987, di bawah pindaan Undang-Undang Kecil (Kaedah 9, (3) Kaedah-kaedah Koperasi, 1949).<sup>21</sup>

### **(2.3) Keahlian Koperasi Muslimin.**

Keahlian Koperasi Muslimin terbuka kepada semua umat Islam di Malaysia, termasuk Sabah dan Sarawak. Tanpa mengira samada ulama atau tidak, sekalipun Koperasi ini ditubuhkan oleh Persatuan Ulama Malaysia. Target penambahan ahli harus dicapai oleh Koperasi tidak kurang daripada 60 orang sebulan atau 720 orang dalam setahun. Melalui kempen yang dilancarkan "Kempen Mencari Ahli", risalah-risalah disebarluaskan, jawatankuasa Perhubungan di peringkat negeri dan daerah diarah menggerakkan kempen tersebut. Kempen juga dijalankan melalui seminar dan kursus yang dianjurkan oleh Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pendidikan Malaysia, Pusat-pusat Pengajian Tinggi, Maktab-maktab Perguruan, Jabatan-jabatan Kerajaan, Badan-badan Berkanun dan Swasta.

Berikut ditunjukkan jadual pertambahan ahli-ahli yang telah menganggotai Koperasi Muslimin:

---

<sup>21</sup> Temubual dengan Ust. Ghazali Abd. Hamid (Ahli Lembaga Eksekutif Koperasi/Naib Pengurus 1) Koperasi Muslimin, 1993/94, pada 1/7/95

**JADUAL PERTAMBAHAN AHLI (1981 - 1993):**

Tahun	Jumlah Ahli	Pertambahan	% Pertambahan
1981	196	-	-
1982	549	353	180.00%
1983	719	170	30.97%
1984	818	99	13.77%
1985	855	37	4.52%
1986	1,295	440	51.46%
1987	1,936	641	49.50%
1988	4,573	2,637	136.21%
1989	6,574	2,001	43.76%
1990	8,753	2,179	33.14%
1991	10,539	1,284	14.6%
1992	11,568	1,396	9.76%
1993	12,562	994	8.59%

**Sumber: Laporan Tahunan Koperasi Muslimin 1981-1993**

Target yang dikehendakki oleh Koperasi telah berjaya dicapai. Berdasarkan Jadual Pertambahan Ahli, pertambahan dapat dilihat antara tahun 1988 - 1990 atas kadar 2,000 orang setiap tahun. Tetapi antara tahun 1991 - 1993, keahlian bertambah hanya 1,000 orang lebih pada setiap tahun. Perbezaan kadar pertumbuhan ahli lebih ketara dilihat antara tahun 1988 - 1990, kerana usaha kempin mencari ahli dipergiatkan hingga ke setiap peringkat daerah di seluruh negara, pada setiap peringkat pekerjaan di jabatan-jabatan kerajaan atau swasta.

Kadar pertambahan ahli menurun sedikit antara tahun 1991 - 1993 kerana masyarakat Islam diberikan satu lagi alternatif koperasi yang sama operasinya dengan berlandaskan lunas-lunas Mu'amalat Islam, iaitu kelahiran sebuah koperasi

yang sama jalannya dengan Koperasi Muslimin dikenali dengan nama KOHILAL. Terdapat ahli-ahli yang sudah menganggotai Koperasi Muslimin memohon pula menjadi anggota KOHILAL, begitu juga sebaliknya.

#### **(2.4) Hak dan Tanggungjawab Ahli:**

Setiap orang yang ingin menganggotai Koperasi akan dimestikan mengisi borang "Permohonan Menjadi Ahli" yang di dalamnya mengandungi iqrar atau perakuan yang ditandatangani oleh setiap orang ahli, antaranya ialah;<sup>22</sup>

3) *Saya membenarkan wang yuran, saham simpanan, pertaruhan (*al-Wad'ah*), pelaburan, perkongsian (*al-Musyarakah*) saya ditadbirkan oleh Koperasi untuk urusan perniagaan, rancangan, sekim dan lam-lam yang difikirkan perlu oleh Koperasi untuk faedah dan kebaikan bersama.*

Dengan perakuan setiap ahli , sekalipun hanya melalui borang, tetapi apabila sudah ditandatangani, maka perakuan tersebut menjadi sah dan membawa implikasi tertentu yang mengikat ahli itu sendiri. Dengan tandatangan tersebut pemohon telah membuat perakuan yang sah ke atas beberapa perkara berikut ini:

1) Pemohon dengan sendirinya telah memberi keizinan kepada Koperasi Muslimin, dengan cara yang jelas tanpa apa-apa keraguan dan tanpa ada unsur-unsur paksaan. Pemohon dengan rela hati dan dengan niat yang ikhlas serta memberi harapan yang tinggi, mengizinkan kepada Koperasi mengambil amanah untuk menguruskan hartanya itu. Kedudukan ini menepati sebagai pemodal atau pemilik dana (*Sahib al-Mal*).

---

<sup>22.</sup> Lihat Lampiran (2) Borang Permohonan Menjadi Ahli Koperasi Muslimin

2) Keizinan yang diberikan oleh pemohon itu ialah keizinan kepada Koperasi ke atas wang yang diberikan dari miliknya yang sah, samada wang itu dalam bentuk saham, simpanan, pelaburan, yuran dan sebagainya. Perkara ini disebut sebagai aset harta (*al-Amwal*).

3) Koperasi Muslimin yang telah menerima amanah serahan harta diizinkan mengguna, mengurus, mengendali dan mengurusniagakan wang yang diberikan itu untuk tujuan perniagaan atau rancangan atau skim atau kebajikan dan lain-lain lagi seperti yang disebutkan oleh Koperasi. Jadi Koperasi hanya boleh menguruskannya untuk tujuan perkara-perkara yang mendatangkan keuntungan atau perkara-perkara yang membawa faedah kebajikan. Wang ahli itu tidak boleh diselewengkan atau diguna untuk tujuan pribadi atau untuk kepentingan individu-individu tertentu. Koperasi mempunyai Lujnah Shari'ahnya sendiri yang sentiasa mengawal dan memastikan bahawa wang ahli diguna atau diurus sesuai dengan kehendak Shara'.

4) Dengan pengakuan yang dibuat oleh ahli, sebenarnya telah menentukan bentuk atau kaedah bagaimana wangnya itu patut diurus. Koperasi sebenarnya tidak mempunyai wang, tetapi mempunyai tenaga kepakaran untuk mengurusniagakan harta ahli dengan cara yang selamat dan terjamin. Ahli mempunyai wang, dan tidak mampu menghasilkan keuntungan dengan wangnya yang terhad dan usahanya yang terbatas, ahli mengharapkan Koperasi untuk menguruskan hartanya. Koperasi pula mengharapkan wang ahli sebagai modal untuk menjalankan perniagaannya, masing-masing sama-sama memerlukan. Oleh kerana itu, ahli dianggap sebagai pemodal dan Koperasi dianggap sebagai pengusaha, sesuai dengan kaedah hukum Mu'amalat, samada mengikut hukum *al-Mushārakah* iaitu keuntungan akan dibahagi sama, atau mengikut hukum

al-Mudarabah iaitu ahli dapat 30 peratus dan Koperasi mendapat 70 peratus keuntungan, atau dengan nisbah yang dipersetujui oleh kedua belah pihak.

Dengan aqad yang tersebut itu, pada zahirnya ahli bersedia menyerahkan wangnya kepada Koperasi atau Koperasi telah mengguna wang ahli. Transaksi pinjam meminjam tersebut membawa implikasi hukum harus atau haram. Jika pemberian wang ahli dalam bentuk pinjaman kebajikan, maka pinjaman tersebut haram dikembalikan dengan faedah. Jika pemberian itu dalam bentuk perniagaan al-Musharakah atau al-Mudarabah, maka ahli diharuskan mendapat keuntungan dari perniagaan tersebut.

Ahli patut memahami apakah tujuan wangnya itu diberikan kepada Koperasi. Dalam hal ini, Koperasi telah menentukan pada masa borang permohonan diisi oleh ahli, apakah jenis caruman yang dipilih oleh ahli. Caruman selain dari pemberian kebajikan, seperti skim al-Abrar, maka ahli berhak mendapat keuntungan setakat jumlah caruman yang dikeluarkannya.

#### **(2.5) Matlamat dan Objektif Koperasi.**

Matlamat yang hendak dicapai oleh Koperasi ini, ialah untuk mewujudkan suatu penglibatan secara bersama (secara berjemaah) dalam bidang ekonomi, dengan tujuan untuk mencari keredaan Allah s. w. t. semata-mata.

Koperasi telah menyenaraikan sebanyak 6 objektif yang mestilah dicapai dalam menjalankan aktiviti-aktivitinya. Sebahagian besar aktiviti Koperasi ialah memberi pinjaman dan pembiayaan tanpa riba kepada ahli-ahlinya, 4 daripada objektif Koperasi yang termaktub dalam Undang-undang Kecilnya adalah

menggarap atau menyentuh tentang pemberian pinjaman dan pembiayaan yang berlandaskan hukum-hukum Mu'amalat Islam;<sup>23</sup>

Objektif (1): Menjalankan aktiviti-aktiviti ekonomi berdasarkan Shari'ah.

Objektif (3): Mengajurkan dan menggalakkan ahli-ahli dan masyarakat Islam supaya melakukan *INFAQ* dan tolong menolong di kalangan sesama mereka.

Objektif (4): Menyediakan program membantu ahli memperolehi barang-barang keperluan asas secara yang mudah dan halal.

Objektif (5): Menggalakkan rancangan pelaburan hartanah untuk menjamin ketahanan ummah dan kelanjutan generasi masa depan.

Objektif-objektif yang tersebut itu, ketara memperlihatkan suatu bentuk persyarikatan atau *al-Musharakah* dalam menjalankan aktiviti pinjaman dan pembiayaan tanpa riba; Kerana:

1) Objektif (1): Koperasi telah menentukan kaedah seluruh perjalanan Koperasi dengan prinsip *Eigh al-Mur'amalat* dalam seluruh operasinya, termasuklah aktiviti dalam menjalankan skim pinjaman dan pembiayaan kepada ahli-ahli Koperasi.

2) Objektif ke (3): Melakukan "*infaq*", suka memberi bantuan dan tolong menolong sesama ahli adalah sebagai melaksanakan tuntutan Allah. Koperasi

---

<sup>23</sup>. Koperasi Muslimin, op.cit , hlm.13.

melakukan kebajikan untuk ahli-ahlinya dalam bentuk memberi pinjaman atau pembiayaan tanpa riba. Antara aktiviti *infaq* yang dijalankan oleh Koperasi ialah:

- 3) Mengeluarkan wang kepada Koperasi untuk membantu ahli dalam mendapatkan pinjaman kebajikan (*al-Qard al-Hasan*) tanpa mengenakan sebarang faedah riba.

Ahli-ahli mencarumkan wangnya kepada Koperasi, dalam bentuk yuran, saham dan pelaburan supaya dapat membantu dan menolong ahli-ahli lain melakukan urusniaga yang halal dan diredai Allah, di samping boleh mendapatkan keuntungan hasil dari saham dan pelaburan yang diberikannya itu.


- 4) Objektif ke (4): Untuk menyediakan bantuan kepada ahli-ahli Koperasi, dengan membiayaai pembelian barang keperluan asas, melalui cara yang lebih mudah dan halal tanpa riba.

- 5) Objektif ke (5): Koperasi mengadakan suatu skim pelaburan harta tanah. Skim ini untuk membantu ahli-ahli memiliki tanah atau sekurang-kurangnya mendapat tapak rumah. Dengan itu Koperasi dapat menyelamatkan ahlinya dari hidup merempat, tidaklah seperti nasib ayam dikepuk mati kelaparan, itek di air mati kehausan, seperti yang telah menimpah kepada umat Islam di Palestin. Untuk tujuan tersebut Koperasi menujuuhkan sebuah anak syarikatnya, khusus untuk menangani masalah tanah atau tapak rumah ahli-ahlinya, bagi menjamin kelanjutan generasi umat Islam masa hadapan dalam tanah airnya sendiri.

## (2.6) Struktur Pentadbiran dan Pengurusan Koperasi Muslimin.

Koperasi Muslimin dikendalikan oleh sebuah organisasi pentadbiran dan pengurusan seperti dalam carta berikut:

**Carta (3): Carta Organisasi Koperasi Muslimin:**



**Sumber: Koperasi Muslimin**

### **(2.6.1) Mesyuarat Agung Sebagai Kuasa**

#### **Tertinggi Koperasi.**

Koperasi telah menetapkan bahawa kuasa tertinggi dalam Koperasi Muslimin ialah Mesyuarat Agung. Seluruh perjalanan Koperasi mestilah tunduk kepada keputusan Mesyuarat Agung. Mesyuarat berhak menentukan bentuk perjalanan Koperasi, mengubah dasar perjalanan Koperasi, menentukan Koperasi terus hidup atau patut dibubarkan. Mesyuarat juga berhak menentukan barisan pimpinan yang mentadbir Koperasi dan berhak melantik atau memecat mereka. Mesyuarat mempunyai kuasa penuh terhadap Koperasi.

Kedudukan Mesyuarat Agung sebagai kuasa tertinggi dalam Koperasi adalah berdasarkan kepada hak yang diperuntukan oleh Undang-Undang Kecil Koperasi N0.2, ceraian (a) dan (b) yang memberikan hak kepada suara undi daripada perwakilan. Suara perwakilan mewakili kehendak dan pandangan yang telah diputuskan oleh ahli di peringkat Negeri, Daerah dan Qariah. Kerana itu undi perwakilan dalam Mesyuarat Agung sangat besar kesannya terhadap ahli di setiap peringkat dan mempunyai pengertian yang sangat penting bagi mereka. Suara perwakilan tidak boleh diambil ringan, perwakilan pula tidak boleh membawa suara sesuka hati dan sembarangan atau menyalahi daripada kehendak dan keputusan ahli-ahli yang diwakilinya.

Oleh kerana Mesyuarat Agung menjadi kuasa tertinggi dalam Koperasi, maka Koperasi telah membuat satu peraturan yang dibaca bersama dengan Undang-Undang Kecilnya, Akta dan Kaedah-kaedah yang dinamakan "Adab dan Tatatertib Mesyuarat Agung Perwakilan Koperasi Muslimin Malaysia Berhad". Dengan peraturan tersebut, setiap perkara yang hendak diputuskan adalah satu perkara yang

sudah dikaji secara mendalam sebelum di bawa masuk ke dalam Mesyuarat Agung. Supaya keputusan yang dibuat, tidak lari dari prinsip-prinsip Islam, atau keputusan tersebut tidak melanggar Undang-Undang Kecil serta roh semangat berkoperasi. Apa-apa cadangan, terutama yang menyentuh dasar, seperti perlantikan Lembaga Pengarah, mestilah terlebih dahulu dibincang dan diteliti oleh Majlis Perundingan Koperasi yang dianggotai oleh:<sup>24</sup>

- 1) Ahli-ahli Lujnah Shari'ah Koperasi.
- 2) Ahli-ahli Lembaga Pengarah Koperasi
- 3) Jawatankuasa Kerja Koperasi
- 4) Pengurus-pengurus Perhubungan Negeri
- 5) Ahli-ahli Majlis Perundingan Koperasi.

Di antara cadangan yang paling penting ialah cadangan perlantikan Ahli-ahli Lembaga Pengarah. Sebelum Mesyuarat Agung memutuskan pencalonan Ahli-ahli Lembaga Pengarah, mereka yang akan dicalonkan itu terlebih dahulu dicalonkan oleh Ahli-ahli Perhubungan di peringkat negeri dengan mengisi "**Borang Pencalonan Menjadi Ahli Lembaga Koperasi**".<sup>25</sup> Borang tersebut mestilah disertakan dengan borang "**Iqrar dan Pengakuan Pencadang dan Penyokong**".<sup>26</sup>

Borang-borang tersebut hendaklah dikemukakan kepada Majlis Perundingan Koperasi. Majlis Perundingan akan mengadakan syura pemilihan untuk memutuskan calon yang paling layak memegang jawatan Ahli Lembaga

<sup>24.</sup> Temubual dengan Naib Pengurus 1. Koperasi Muslimin, Ust. Ghazali Abd. Hamid, pada 5 Julai, 1995 di Pejabat Koperasi Muslimin.

<sup>25.</sup> Koperasi Muslimin, *Buku Panduan*, (Borang Pencalonan Menjadi Ahli Lembaga.) hlm.22

<sup>26.</sup> Ibid., (Borang Pemerahan Calon), hlm. 23

Koperasi. Keputusan tersebut akan disenaraikan ke dalam satu borang khas "Untuk Majlis Perundingan Koperasi Muslimin".<sup>27</sup> supaya dapat dibawa ke dalam Mesyuarat Agung.

Kaedah tersebut membantu memudahkan kerja Mesyuarat Agung dan dapat menjimatkan masa dan yang paling penting pemilihan dilakukan dengan lebih tepat, pemilihan seperti itu sangatlah baik dan menepati konsep *shura* menurut kehendak Islam. Kerana itu keputusan tersebut, tidak boleh dicabar oleh mana-mana ahli, kerana ia merupakan keputusan yang sudah diteliti secara mendalam dari peringkat qariah, daerah, negeri, Majlis Perundingan hingga ke peringkat Mesyuarat Agung. Bahkan ia samasekali tidak bertentangan dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 47 (1) (a) yang menyebutkan;

*47 (1) Perkara-perkara yang di bawah hendaklah diputuskan oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan:*

*Memilih ahli-ahli Lembaga yang telah diperakukan oleh Majlis Perundingan Koperasi.*

#### **(2.6.2) Ahli Lembaga Koperasi.**

Ahli Lembaga Koperasi mempunyai 12 orang, 9 orang dilantik oleh Mesyuarat Agung, 3 orang lagi dilantik oleh Pengurus Lembaga Koperasi, sesuai dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 49. Ceraian (1) dan (2). Kesemua perlantikan adalah melalui proses perkaedahan syura seperti yang telah diterangkan di atas tadi. Perlantikan mereka mestilah memenuhi kehendak Undang-Undang Kecil 49 (3) yang menyatakan kriteria-kriteria asas pemilihan yang patut dipertimbangkan oleh Majlis Perundingan Koperasi seperti berikut ini:

---

<sup>27.</sup> Ibid., (Borang keputusan mesyuarat Majlis Perundingan Koperasi), hlam.26

49. (3) *Ahli-ahli Lembaga yang dipilih di dalam Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan Koperasi dan yang dilantik mengikut UK 50 (3) hendaklah:-*

- (a) *Telah memiliki saham tidak kurang dari RM500.00;*
- (b) *Telah menjadi ahli yang sah dan membayar yuran berterusan selama tidak kurang dari tiga (3) tahun berturut-turut;*
- (c) *Telah memegang sebarang jawatan di mana-mana peringkat koperasi selama tidak kurang dari 36 bulan berturut-turut;*
- (d) *Telah lulus Ujian Khas yang dijalankan oleh Koperasi dari masa ke semasa dan;*
- (e) *Tidak terlibat atau menjadi ahli dalam mana-mana pertubuhan atau institusi kewangan atau pekerjaan yang bercanggah dengan tujuan-tujuan Koperasi ini.*

#### **(2.6.3) Ahli Jawatankuasa Kerja.**

Ahli Jawatankuasa Kerja adalah dilantik oleh Lembaga Koperasi yang berperanan membantu Lembaga, untuk menjalankan tugas dan keputusan dengan cara yang lebih efektif. Jawatankuasa ini sering mengadakan mesyuarat membincangkan hal ehwal Koperasi, untuk dibawa ke dalam mesyuarat Lembaga. Elaun dibayar berdasarkan kekhadiran mereka dalam mesyuarat.

Ahli Jawatankuasa tersebut terdiri daripada Pengurus dan tidak kurang 4 orang daripada ahli-ahli Lembaga. Lembaga boleh menyerahkan sebarang kuasa di bawah Undang-undang Kecil 55, antaranya seperti membuat perjanjian hutang piutang tertakluk kepada kebenaran Mesyuarat Agung dan Ketua Pendaftar.

#### **(2.6.4) Ahli Lujnah Sharī'ah.**

Ahli Lujnah Sharī'ah Koperasi Muslimin dilantik oleh Lembaga mengikut Undang-Undang Kecil 58, ceraian (1);

*Lembaga hendaklah melantik sebuah Lujnah Shari'ah terdiri daripada Pengurus Koperasi dan tidak kurang daripada 5 orang ahli-ahli Koperasi yang terdiri daripada Alim Ulama yang dihormati keperibadiannya dan keilmuannya dalam bidang Shari'ah serta yang boleh memahami kaedah-kaedah urusniaga masa kini. Tempoh perlantikannya dibuat dari tahun ke tahun.*

Tugas Lujnah Shari'ah ialah membantu Lembaga dalam perkara-perkara yang bersangkut paut dengan hukum Islam, serta mempastikan perjalanan Koperasi sentiasa berlandaskan lunas-lunas Islam. Lujnah ini berhak menghadiri sebarang mesyuarat Koperasi, disamping itu mereka bertanggungjawab membantu pendidikan ahli-ahli Koperasi dan menyelia ujian khas yang dijalankan oleh Koperasi.

Kedudukan Lujnah Shari'ah dalam Koperasi diberi tempat yang istimewa dan tidak boleh dicabar, sekalipun perlantikannya dibuat oleh Lembaga, tetapi Lembaga melantiknya untuk tujuan membantu dan menasihati Lembaga agar dapat menjalankan pentadbiran Koperasi sentiasa mengikut lunas-lunas Shara'. Lujnah ini tidak hanya diberi kuasa menasihati Lembaga, tetapi juga diberi tanggungjawab memberi pandangan kepada Lembaga tentang hal ehwal perjalanan Koperasi dari sudut hukum Islam. Memang menjadi kewajipan Lembaga untuk mendengar dan mematuhi nasihat atau teguran Lujnah Shari'ah, memandangkan Lujnah ini adalah dari kalangan ulama-ulama yang pakar dalam bidang Mu'amalat Islam.

#### **(2.6.5) Majlis Perundingan Koperasi**

Majlis perundingan Koperasi adalah sebuah majlis yang sangat penting untuk menyelaraskan perkara-perkara penting Koperasi. Ahli Majlis ini tidak dilantik, tetapi dianggota secara otomatik berdasarkan kepada jawatan dalam

kepimpinan Koperasi yang ditentukan mengikut Undang-Undang Kecil 59. (1) Ahli-ahli Majlis Perundingan Koperasi ini terdiri daripada:

*Semua ahli-ahli Lujnah Sharī'ah Koperasi.*

*Semua ahli-ahli Lembaga Koperasi.*

*Pengerusi bagi tiap-tiap Jawatankuasa Perhubungan Negeri.*

Majlis Perundingan Koperasi dipengerusikan oleh Pengerusi Lujnah Sharī'ah. Majlis ini bertanggungjawab untuk meneliti dan memperakukan calon-calon Ahli Lembaga untuk dipilih oleh Mesyuarat Agung Perwakilan Tahunan serta menyemak, menjawab dan memprakukan usul-usul yang tidak bercanggah dengan Shara<sup>c</sup>.

#### **(2.6.6) Pengurus.**

Pengurus adalah dilantik oleh Lembaga Koperasi untuk menjalankan urusan harian pejabat pentadbiran Koperasi. Pengurus dibantu oleh seorang Pegawai Akaun, seorang Ketua Kerani Pentadbiran, seorang Penyelia Akaun, seorang Penyelia Skim Kawalan Kredit dan sebelas orang kerani.

#### **(2.7) Kegiatan Koperasi Muslimin.**

Oleh kerana Koperasi Muslimin adalah sebuah badan persyarikatan yang ditubuhkan untuk kebajikan ahli-ahlinya, maka kegiatan Koperasi juga terbatas untuk kepentingan ahli-ahli Koperasi. Sumber dana kewangannya terbatas dari caruman ahli-ahlinya. Koperasi diberikan amanah dan tanggungjawab supaya menjalani dan mengurusniagakan wang ahli-ahlinya untuk mendapat pulangan yang lebih baik.

Koperasi Muslimin telah menubuhkan beberapa buah anak syarikatnya untuk mengendalikan aktiviti yang telah dirancang itu secara lebih profesional, buat masa ini ada empat buah anak syarikat, iaitu:

- (2.7.1) Yayasan Muslimin (M) Sdn. Bhd.,
- (2.7.2) Mal Muslimin (M) Sdn. Bhd.,
- (2.7.3) Muslim Lands & Properties (M) Sdn. Bhd.,
- (2.7.4) Muslimin Travel & Tours (M) Sdn. Bhd..

#### **(2.7.1) Yayasan Muslimin (M) Sdn. Bhd.**

Yayasan tersebut ditubuhkan pada 4hb. Julai, 1991 untuk menjalankan kegiatan yang bersifat kebajikan, pendidikan dan pembangunan ekonomi ahli. Sumber kewangannya diperolehi daripada caruman Tabung Tarbiyyah dan Tabung al-Abrar yang disumbangkan oleh ahli-ahli melalui caruman setiap bulan.

##### **(2.7.1.1) Tabung Tarbiyyah**

Tabung ini sebenarnya telah diwujudkan sebelum Yayasan Muslimin ditubuhkan, apabila Yayasan ditubuhkan maka Tabung ini diserahkan kepada Yayasan untuk mengendalikannya. Kutipan yang dapat dikendalikan setakat ini adalah seperti yang dapat dilihat dalam jadual di bawah ini:

### **Tabung Tarbiyyah / Pelajaran:**

<b>Tahun</b>	<b>RM: Dikumpul</b>
1988	1,993.00
1989	12,552.50
1990	32,952.50
1991	62,942.50
1992	97,280.50
1993	130,880.79
<b>Jumlah</b>	<b>338,601.79</b>

**Sumber:** Laporan Tahunan Koperasi Muslimin 1988 - 1993

Dalam tempoh enam tahun, kutipan Tabung Tarbiyyah berjumlah RM338,601.79. Peningkatan pada setiap tahun sangat menggalakkan, pengurbanan tersebut menggambarkan hati dan perasaan dari setiap ahli yang selama ini tidak terbongkar, tetapi Koperasi dapat menyediakan tempat untuk ahli-ahli beramal jariah seperti yang bolch dilihat dalam jadual berikut:

### **Jumlah Tabung yang dikeluarkan:**

<b>Tahun</b>	<b>RM: Dikeluarkan</b>
1988	-
1989	251.04
1990	659.05
1991	2,517.70
1992	3,707.63
1993	5,303.67
<b>Jumlah</b>	<b>12,232.09</b>

**Sumber:** Laporan Tahunan 1988 - 1993

Wang yang dikeluarkan sesuai mengikut tujuan Tabung Tarbiyyah ditubuhkan. Sebanyak RM12,232.09 setakat ini telah dikeluarkan bagi membantu pelajar-pelajar miskin yang baik dalam pencapaian akademik dan akhlaknya. Akan datang Yayasan bercadang akan mengeluarkan basiswa atau pinjaman siswa kepada pelajar-pelajar universiti, sekiranya rancangan Yayasan mengajak semua ahli menyumbang RM1.00 seorang sebulan mendapat sambutan yang baik.

**Musafir Khanah:**

Yayasan yang ditubuhkan pada 1991 itu telah meluaskan kegiatannya dengan menyediakan kemudahan penginapan yang disebut "**Musafir Khanah**" untuk ahli-ahlinya. Bilik-bilik penginapan telah dilengkapi dengan peralatan yang lengkap dengan katil, almari, alat penghawa dingin, bilik air, surau dan sebagainya.

Ahli-ahli yang bermalan di bilik "**Musafir Khanah**" hanya dikenakan bayaran RM15.00 semalam. Buat masa ini, Yayasan hanya menyediakan bilik untuk penginapan lelaki sahaja. Setiap bayaran penginapan dikira sebagai sumbangan derma untuk Tabung Tarbiyyah dan akan diberi pelepasan cukai. Memandangkan banyak wang yang telah terkumpul. Yayasan telah melaburkan sebahagian wang tersebut semenjak dua tahun Wang Pelaburan Dari Tabung Tarbiyyah yang lalu, iaitu:

Tahun	RM Dilaburkan
1992	67,500.00
1993	67,500.00
Jumlah	135,000.00

**Sumber: Laporan Tahunan 1992 - 1993**

### **(2.7.1.2) Tabung al-Abrar.**

Sebuah lagi tabung di bawah kendalian Yayasan ialah **Tabung al-Abrar**, Tabung tersebut ditubuhkan bertujuan untuk memberi bantuan semasa kepada ahli-ahlinya melalui skim yang telah dirancang seperti berikut ini:<sup>28</sup>

#### **(1) Bantuan Kematian:**

Ahli	RM1,000.00
Suami/isteri ahli	RM500.00
Anak ahli	RM300.00
Ibu bapa ahli (tinggal bersama)	RM200.00

#### **(2) Rawatan Perubatan:**

Iaitu yang melibatkan jantung dan buah pinggang sahaja, berjumlah RM1,000.00 akan diberi untuk rawatan ahli, suami/isteri ahli dan anak ahli.

#### **(3) Bantuan Kebakaran Rumah:**

Bantuan akan diberikan sebanyak RM1,000.00 kepada ahli yang kebakaran rumah, samada semua atau sebahagian.

#### **(4) Kemudahan al-Qard al-Hasan Pendidikan:**

Ahli-ahli yang menghadapi kesempitan wang untuk menyara anak-anaknya diberi kemudahan untuk meminjam mengikut skim al-Qard al-Hasan. Peringkat Universiti RM1,000.00 dan Peringkat Menengah RM500.00.

---

<sup>28</sup>. Koperasi Muslimin, Muslimin, Bil.2/94, Nov. 1994, hlm.4&5.

**(5) Anugerah Kecemerlangan Pendidikan:**

Hafiz al-Quran	RM1,000.00
Ijazah Kelas I	RM1,000.00
Ijazah Kelas II (Atas)	RM500.00
SPVM/SPM 1 Agregat 6	RM200.00
PMR Agregat 5A	RM100.00

**(2.7.2) Muslimin Travel & Tours (M) Sdn. Bhd.**

ialah sebuah anak syarikat Koperasi Muslimin yang ditubuhkan pada 23hb. Oktober, 1993, sebagai sebuah agensi pelancungan untuk ahli Koperasi dan umat Islam seluruhnya. Bagaimanapun, ahli-ahli Koperasi diberikan kemudahan dan keistimewaan dengan potongan harga sebanyak RM250.00 bagi ahli dan RM60.00 bagi anak ahli.

Agensi pelancungan ini ditubuhkan untuk ahli-ahli dan umat Islam melakukan ibadah haji dan umrah sahaja. Disamping membawa mereka melawat ke tempat-tempat bersejarah di Mekah, Madinah dan Jordan sekiranya menaikki penerbangan RJ: (Jordanian).

Muslim Travel ditubuhkan dengan modal berbayar sebanyak RM200,000.00 dan modal dibenar sebanyak RM500,000.00. Syarikat menawarkan saham-sahamnya bernilai RM1.00 seunit untuk dibeli oleh ahli-ahlinya samada secara tunai atau beransur-ansur melalui caruman bulanan sebagai pembiayaan kepada ahli yang ingin melabur. Penubuhan syarikat lebih kepada membantu ahli-ahli yang hendak menunaikan ibadah dengan skim pinjaman atau pembiayaan bagi kepentingan ahli Koperasi sendiri yang pulangan masuk kepada Koperasi sendiri.

### **(2.7.3) Mal Muslimin (M) Sdn. Bhd.**

Mal Muslimin (M) Sdn. Bhd. adalah anak syarikat Koperasi Muslimin yang ditubuhkan pada tahun 1994 dengan modal berbayar sebanyak RM400,000.00 dan modal yang dibenar sebanyak RM1 juta. Ahli-ahli ditawarkan saham dengan bayaran tunai, atau dengan ansuran bulanan melalui kemudahan pinjaman yang disediakan oleh Koperasi.

#### **Tabung Mal.**

Sebelum Mal Muslimin ditubuhkan, Koperasi telah menubuhkan "Tabung Mal" yang bertujuan mengumpul modal, untuk dilaburkan di Pasaran atau di Bursa Saham (BSKL) dalam syarikat-syarikat yang disenaraikan sebagai "HARUS". Koperasi telah menyerahkan pengurusan dan pentadbiran Tabung Mal tersebut kepada syarikat Mal Muslimin Sdn. Bhd. apabila sahaja ia ditubuhkan. Kewangan yang telah terkumpul sehingga akhir 1993 adalah seperti jadual di bawah ini:

#### **Jadual Kutipan Tabung Mal:**

Tahun	RM: Terkumpul
1991	RM100,584.00
1993	RM355,938.26
<b>Jumlah:</b>	<b>RM456,522.26</b>

**Sumber: Laporan Tahunan 1992 & 1993**

**TABUNG MAL** telah mencatatkan keuntungannya dalam dua tahun pelaburannya seperti dalam jadual berikut ini:

**Jadual Keuntungan Tabung Mal:**

<b>Tahun</b>	<b>Pelaburan</b>	<b>Keuntungan</b>
1992	<b>RM74,308.74</b>	-
1993	<b>RM126,438.20</b>	<b>RM1,442.19</b>
<b>Jumlah:</b>	<b>RM200,746.94</b>	<b>RM1,442.19</b>

Sumber: Laporan Tahunan Koperasi Muslimin 1992 & 1993.

Sekarang Tabung Mal dikendalikan oleh Mal Muslimin (M) Sdn. Bhd.. Mal Muslimin juga telah dilantik untuk mengendalikan perniagaan emas dan permata serta menjadi pembekal tunggal barang-barang kemas kepada Koperasi. Mal Muslimin telah menyediakan showcase atau bilik pamiran barang-barang kemas di bawah ibu pejabat Koperasi, dan sebuah cawangan lagi telah ditubuhkan di Jitra, Kedah. Ahli-ahli diberi keistimewaan untuk membeli barang-barang emas melalui skim pinjaman dan pembiayaan yang telah disediakan oleh Koperasi.

**(2.7.4) Muslimin Lands & Properties (M) Sdn. Bhd.**

Muslimin Lands & Properties adalah sebuah lagi anak syarikat Koperasi Muslimin, yang ditubuhkan pada 13hb. Mei, 1994 dengan modal berbayar RM700,000.00 dan modal dibenar sebanyak RM1 juta. Muslimin Lands juga menawarkan pelaburannya kepada ahli-ahli melalui skim pinjaman dan pembiayaan, atau melalui caruman bulanan ahli, dengan nilai RM1.00 seunit, dan

boleh dibeli satu iaitu 1,000 unit (RM1,000.00), tiada had maksimum bagi ahli yang ingin melabur lebih.

Muslimin Lands & Properties ditubuhkan dengan tujuan untuk menjalankan urusniaga tanah, tanah tapak rumah dan perumahan ahli-ahli bagi mempertahankan ketuanan umat Islam di tanah airnya sendiri. Muslimin Land & Propeties menumpukan usaha dalam bidang pelaburan tanah, memajukan tanah-tanah terbiar, membangun tanah-tanah yang berpotensi untuk tujuan komersil dan pembangunan ekonomi umat Islam. Berusaha supaya setiap ahli dapat memiliki seekar tanah, atau sekurang-kurang memiliki tanah tapak rumah, untuk menjamin kehidupan anak-anak ahli di masa akan datang dengan membantunya melalui skim pinjaman dan pembiayaan yang disediakan oleh Koperasi.

#### **Tabung al-Musharakah:**

Syarikat Muslimin Lands & Properties yang telah ditubuhkan oleh Koperasi itu, telah diamanahkan untuk mentadbir "**Tabung al-Musharakah**" yang telah ditubuhkan oleh Koperasi semenjak tahun 1987. Tabung tersebut bertujuan untuk membantu ahli-ahli Koperasi mendapatkan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba bagi membiayaai pembelian tanah. Wang yang terkumpul untuk Tabung al-Musharakah melalui caruman ahli adalah seperti dalam jadual yang berikut ini:

**Jadual Tabung Al-Musharakah / Hartanah:**

Tahun	RM: Terkumpul	RM: Pembiayaan
1988	58,885.02	57,507.00
1989	192,163.02	56,004.60
1990	150,687.50	78,338.00
1991	251,800.00	87,138.00
1992	437,287.46	87,138.00
1993	709,819.64	87,138.00
<b>Jumlah:</b>	<b>1,755,642.64</b>	<b>453,263.60</b>

Sumber: Laporan Tahunan Koperasi 1988 - 1993

**(2.8) Pembangunan Kakitangan Koperasi.**

Sudah sememangnya menjadi amalan dan tanggungjawab mana-mana koperasi untuk menjadikan koperasinya sentiasa memberi perkhidmatan yang cekap dan cemerlang. Koperasi Muslimin juga tidak ketinggalan dengan tanggungjawab tersebut. Koperasi sering mendedahkan kakitangannya dengan peningkatan ilmu kemahiran di bidang pengurusan dan urusniaga Koperasi, serta pembentukan saksiah Islamiyyah dan akhlak-akhlak Islam kepada kakitangannya. Usaha tersebut sesuai dengan hasrat Koperasi untuk melibatkan secara jamaah dalam bidang ekonomi dengan tujuan mencari keredhaan Allah, di samping dapat menjamin kecekapan bekerja dan menjaga keselamatan harta yang diamanahkan oleh ahli, serta meningkatkan produktiviti Koperasi.<sup>29</sup>

<sup>29</sup>. Koperasi Muslimin, op.cit., hlm.13.

Antara pembangunan kakitangan yang dijalankan oleh Koperasi Muslimin ialah:

**(2.8.1) Kursus Kakitangan.**

Bagi meningkatkan pengetahuan dan kecekapan kakitangan, Koperasi telah menghantar kakitangannya untuk mengikuti kursus dan seminar yang dianjurkan oleh Maktab Kerjasama Malaysia, ANGKASA dan juga institusi-institusi latihan lain. Kursus dan seminar tersebut sangatlah penting bagi mereka untuk mendapatkan maklumat-maklumat tentang teknik pengurusan perniagaan dan organisasi seperti Koperasi, supaya Koperasi dapat menjadi institusi pinjaman dan pembiayaan yang berdaya maju dan dapat dipercayai oleh ahli-ahlinya. Kursus-kursus yang pernah dihadiri ialah:

- 1) Kursus Pengurusan kaunter,
- 2) Kursus Asas Perakaunan,
- 3) Kursus Berkomputeran Koperasi,
- 4) Kursus Belanjawan Koperasi,
- 5) Kursus Pentadbiran dan Organisasi,
- 6) Kursus Penyenggaraan Rekod dan Fail,
- 7) Kursus Penggunaan Perisian Komputer,
- 8) Kursus Juruaudit Dalam Koperasi,
- 9) Seminar Kewangan Islam,
- 10) Seminar Pentadbiran dan Pengurusan,
- 11) Seminar Pengurusan kewangan Korperasi,
- 12) Seminar Teknologi Maklumat,
- 13) Seminar Kewangan Koperasi,
- 14) Seminar Saham,

- 15) Seminar Sistem Francais,
- 16) Seminar Usahawan,
- 17) Seminar Kerjasama Koperasi Berasaskan Sistem Pengurusan Islam.

#### **(2.8.2) Kelas Pengajian Kakitangan.**

Kakitangan Koperasi juga sentiasa didedahkan dengan kelas-kelas pengajian dan kefahaman Islam melalui kuliah-kuliah dan ceramah-ceramah yang disampaikan oleh ulama-ulama, terutama dari ahli-ahli dan pakar-pakar daripada Lujnah Shari'ah dan Persatuan Ulama (PUM) sendiri.

#### **(2.8.3) Usrah dan Tamrin.**

Program Usrah dan Tamrin adalah program yang disusun oleh Koperasi untuk ahli-ahli di peringkat qariah, daerah, negeri dan pusat. Perkara dan bidang-bidang yang menjadi perbincangan dan kajian ialah:

- 1) Ekonomi dan Perbandingan Pemikiran,
- 2) Ekonomi Islam,
- 3) Koperasi,
- 4) Perbincangan.

### **(2.9) Kesimpulan.**

Dengan pendedahan ringkas seperti yang telah dinyatakan dalam penulisan ini, cukuplah untuk membuktikan bahawa Koperasi Muslimin mampu menjadi alternatif dalam institusi kewangan dan koperasi. Koperasi Muslimin mampu memberikan khidmat pinjaman dan pembiayaan tanpa riba yang kukuh dan mantap kepada sebahagian besar dari ahli-ahli Koperasi Muslimin di bawah pengawasan Persatuan Ulama Malaysia.

Keyakinan kita kepada Koperasi Muslimin adalah berdasarkan kepada kewibawaan pimpinan dan kaedah Shura Shari'ah (Majlis Perundingan Koperasi) yang diamalkan. Di samping itu, dengan dokongan Persatuan Ulama Malaysia yang mengasaskannya, Koperasi Muslimin akan menjadi salah satu tempat umat Islam berurusniaga dengan cara yang halal tanpa riba, terutama dapat menyelesaikan masalah pinjaman dan pembiayaan riba yang paling serius melanda umat Islam di Malaysia sekarang ini.

Kekuatan Koperasi Muslimin tidak hanya bergantung kepada barisan pimpinan ulama-ulamanya sahaja, tetapi juga kepada sambutan umat Islam yang yakin dengan kepimpinan ulama. Dengan keikhlasan dan kesungguhan pimpinannya, Koperasi berjaya menggerakkan semua aktiviti perniagaannya tanpa sedikitpun melibatkan pinjaman dari mana-mana institusi kewangan atau bank seperti koperasi-koperasi lain.

Kegiatan perniagaannya melalui 4 buah anak syarikat yang ditubuhkannya, menjadi tonggak kekuatan Koperasi, untuk memberi bantuan pinjaman dan

pembentukan tanpa riba kepada ahli-ahli koperasi dengan penuh yakin. Walaubagaimanapun, peristiwa kewangannya tidak boleh diberi ulasan, kerana masih dianggap sulit. Sebuah daripada anak syarikat yang ditubuhkan oleh Koperasi, semata-mata untuk menangani kebajikan ahli-ahli dalam pelbagai masalah; seperti bantuan pelajaran, penginapan Musafir Khanah, bantuan kematian, perubatan, kebakaran, *al-Qard al-Hasan* untuk pendidikan dan hadiah-hadiah kecemerlangan dalam palajaran.

Pada umumnya 3 buah anak syarikat yang lalu itu lebih banyak mendedahkan catatan perbelanjaan dikeluarkan untuk membangun keperluan ekonomi ahli-ahlinya, seperti Tabung Tarbiyyah, Tabung Abrar dan Tabung al-Musharakah. Seperkara yang meyakinkan ahli, ialah Koperasi Muslimin boleh mencatatkan keuntungan yang selesa, kerana tidak ada satu senpun urusniaganya menggunakan hutang dari mana-mana institusi kewangan atau bank, sekalipun sebenarnya Koperasi dibolehkan berhutang kepada Koperasi Malaysia sehingga RM5 juta, dengan yang demikian koperasi tidak terlibat dengan pembayaran sebarang hutang dan faedah yang membebankan kewangan koperasi, ini bermakna setiap keuntungan bersih terkumpul ke dalam koperasi tanpa potongan hutang dan keuntungannya.<sup>30</sup>

---

<sup>30.</sup> Koperasi Muslimin, *Penyata Kewangan 1993*, hlm.32.

### **3. KOHILAL SEBAGAI SEBUAH KOPERASI PINJAMAN DAN PEMBIAYAAN TANPA RIBA:**

#### **(3.1) Sejarah Penubuhan KOHILAL.**

KOHILAL adalah ringkasan nama dari Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad. KOHILAL didaftarkan di Jabatan Koperasi Malaysia pada 3hb. Jun, 1986. Bil. Koop 5932/1, Bil. Daftar Koop Negeri No.137 dan berjalan di bawah Akta Koperasi tahun 1948. Pejabat pentadbirannya sewaktu didaftarkan ialah No. 28B, Jalan Pahang Barat, Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur. Sekarang KOHILAL berpindah ke bangunannya sendiri di alamat No.7, Jalan Sarikei, Off Jalan Pahang, 53000 Kuala Lumpur.

Koperasi Al-Hilal Malaysia Berhad ditubuhkan oleh sebuah Jawatankuasa Penaja yang diketuai oleh Tuan Haji Ismail bin Abdullah. Beliau ialah lulusan ijazah di bidang koperasi dari University St. Francis Xavier, Nova Scotia, Canada, dan mempunyai pengalaman yang luas di dalam pergerakan koperasi di Malaysia. Tuan Hj. Ismail telah dilantik memegang jawatan Pengurus KOHILAL semenjak ia mula ditubuhkan pada tahun 1986 hingga sekarang.

Perlantikan beliau sebagai Pengurus KOHILAL, bukan sahaja berdasarkan kepada kelayakan ilmu yang beliau miliki, tetapi juga berdasarkan kepada sakhsiah beliau sebagai seorang yang terdidik dengan pengetahuan agama yang luas dan akhlak yang baik. Bahkan berdasarkan kepada pengalaman beliau semenjak kembali ke tanah air sebagai Penolong Pendaftar di Jabatan Koperasi Perak, kemudian pernah menjadi Pengarah Pelajaran dan Penerangan di ibu pejabat

Jabatan Pembangunan Koperasi, kemudian Pengarah Bahagian Undang-Undang di Jabatan Pembangunan Koperasi dan akhirnya Timbalan Ketua Pengarah (Pentadbiran dan Kewangan), di Jabatan Pembangunan Koperasi Malaysia, sehingga bersara pada 10hb. Mei, 1981.

Pemilihan beliau dianggap penting, oleh mesyuarat Agung KOHILAL pertama yang berlangsung pada 6hb. April, 1986, untuk menentukan perjalanan KOHILAL sebagai sebuah koperasi Islam yang berjaya dan dipercayai. Latar belakang tersebut lebih penting lagi, kerana pada masa itu seluruh gerakan koperasi di Malaysia sedang dilanda oleh krisis akibat kekecohan yang ditimbulkan oleh Koperasi Pengambil Deposit yang ditaja oleh parti-parti komponen Barisan Nasional. Kerana itu KOHILAL hanya dibenarkan beroperasi di Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor sahaja.<sup>31</sup>

Memang benar, sesuasana krisis tersebut membawa kesan yang dingin ke atas sambutan terhadap KOHILAL. Umat Islam masih mengambil sikap tunggu dan lihat, mereka terlalu berhati-hati takut terlibat dengan penyelewengan dan penipuan koperasi yang mereka anggotai. Tetapi setelah ahli Lembaga Pengarah di bawah pimpinan Tuan Hj. Ismail menggunakan kepakaran dan pengalaman beliau yang luas, serta dengan bantuan mantap ahli Lembaga Pengarahan, dengan menyedarkan masyarakat supaya kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya, dan betapa pentingnya ilmu Mu'amalat Islam itu dilaksanakan melalui koperasi, koperasi tidak akan mampu dan berjaya menghadapi krisis penyelewengan dan penipuan melainkan hanya dengan mengambil Islam sebagai landasan untuk bergerak, maka akhirnya KOHILAL mula mendapat sambutan.

---

<sup>31</sup> KOHILAL, *Laporan Tahunan Kohilal*, 1991/92, hlm. I.

Sambutan yang diterima tidak hanya terbatas dari Wilayah Persekutuan dan Negeri Selangor sahaja, ada desakan yang kuat dan ramai oleh masyarakat Islam dari seluruh negara. Maka pada 17hb. November, 1989 KOHILAL telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia Berhad untuk meluaskan operasinya ke seluruh negara sesuai dengan pindaan yang dibuat ke atas nama KOPERASI AL-HILAL BERHAD dalam Undang-Undang Kecil, dengan menambah perkatan "MALAYSIA" menjadi KOPERASI AL-HILAL MALAYSIA BERHAD.

### **(3..2) Keahlian KOHILAL.**

Di akhir tahun 1994, keahlian KOHILAL yang berdaftar berjumlah 11,110 orang. Jumlah saham yang terkumpul pula adalah sebanyak RM3,177,705.72. Walaupun KOHILAL adalah salah sebuah koperasi yang baru ditubuhkan dalam suasana kekecohan institusi-institusi koperasi di Malaysia, tetapi pertumbuhan ahli yang bermula dari hanya 100 orang, kini telah meningkat pada kadar 2,000 orang setahun seperti yang boleh dilihat dalam jadual berikut ini:

**Jadual Pertambahan Ahli KOHILAL:**

Tahun	Jumlah Ahli
1990	2,939
1991	4,493
1992	6,511
1993	9,063
1994	11,110

**Sumber: Laporan Tahunan KOHILAL 1990/94**

Pertambahan ahli seperti yang dinyatakan di dalam jadual itu, menunjukkan masyarakat Islam mula menyedari tentang tanggungjawab diri mereka sebagai

seorang Islam yang wajib mematuhi hukum Islam dalam mengurusniagakan wang mereka. Kelahiran KOHILAL memang tepat pada masanya, iaitu pada masa umat Islam mula tercari-cari tempat yang paling selamat untuk mereka berurusniaga, terutama dalam bentuk koperasi yang memang ditubuh untuk memberikan kemudahan pinjaman dan pembiayaan kepada semua ahli-ahlinya.

Penyertaan ahli-ahli dalam KOHILAL tidak hanya didorong oleh kesedaran mematuhi tanggugjawab Shara<sup>c</sup>, tetapi juga didorong oleh sahaman tentang keberkatan daripada Allah ke atas pinjaman dan pembiayaan tanpa riba, yang tidak terdapat pada institusi kewangan lain yang berlandaskan riba. Keberkatan yang dimaksudkan ialah rezki yang bertambah, perbelanjaan yang mencukupi, kekayaan yang membawa ketenangan hidup, keuntungan yang diredhai Allah. Inilah rahsia kejayaan Lembaga Pengarah yang dapat menarik ahli-ahli menyertai KOHILAL seperti yang dijelaskan oleh pengurusnya yang mempunyai pengalaman kerja dalam dua koperasi yang berbeza, koperasi konvensional yang mengamalkan riba dan koperasi Islam yang menolak riba, kata beliau; "Inilah bukti di atas keyakinan saya, yang belum pernah saya temui di tempat lain." Benarlah firman Allah dalam surah al-Baqarah, ayat 245 yang maksudnya seperti berikut ini;

*Sesiapa yang mahu meminjamkan kepada Allah, pinjaman yang baik, maka Allah akan melipat gandakan pinjaman itu untuknya, dan dia akan mumperolehi pahala yang banyak.*

Salah satu dari tujuan KOHILAL bukan hanya sekadar untuk mendapatkan pinjaman dan pembiayaan berlandaskan Islam, tetapi juga untuk tujuan membantu orang lain mendapatkan pinjaman dan pembiayaan dengan cara yang diredai Allah. Melalui KOHILAL ahli mendapat layanan pinjaman dan pembiayaan, bukan sahaja mudah dan cepat, tetapi juga benar-benar terjamin, kerana setiap pinjaman terikat dengan perjanjian bertulis yang menjamin kepentingan ke dua belah pihak.

Untuk menjadi seorang ahli KOHILAL yang baik, sesuai dengan kehendak Shara<sup>c</sup>, ahli diminta membuat perakuan seperti yang tertulis dalam borang permohonan ahli:<sup>32</sup>

*5. Saya bersetuju bahawa simpanan saya ini adalah berdasarkan hukum Wadi<sup>c</sup>ah Yad Dhamānah (Wadi<sup>c</sup>ah Manfa<sup>c</sup>ah).*

*Saya bersetuju bahawa wang Tabung Kebajikan saya diterima untuk ditadbirkan oleh KOHILAL bagi tujuan-tujuan khairat dan kebajikan.*

### (3.3) Tujuan-Tujuan KOHILAL.

Di antara tujuan KOHILAL ditubuhkan ialah untuk:<sup>33</sup>

- (a) *Mengadakan kemudahan untuk membolehkan ahli-ahli menyimpan sebarang daripada pendapatan dan memberi pinjaman kepada ahli bagi maksud yang berfaedah dan mendatangkan kelabuan.*
- (b) *Mengadakan modal dengan cara mengumpul saham dan mendapatkan pinjaman-pinjaman dan deposit-seposit daripada ahli".*

Daripada 14 tujuan-tujuan KOHILAL ditubuhkan, terdapat dua daripadanya bertujuan untuk memberi pinjaman kepada ahli, dan pada masa yang sama juga mendapatkan pinjaman daripada ahli. Kedua-dua tujuan ini menjadi teras aktiviti koperasi. Memberi pinjaman maksudnya ialah memberi pinjaman al-Qard al-Hasan atau memberi pembiayaan di atas perkara-perkara yang diperlukan oleh ahli-ahli koperasi. Seperti meminjam wang tanpa mengenakan faedah ketika membayar balik, atau memberi pembiayaan untuk membeli rumah, tanah atau kenderaan dan sebagainya.

<sup>32</sup>. KOHILAL, Undang-Undang Kecil, KL: KOHILAL, hlm.26.

<sup>33</sup> Ibid., hlm.2.

Maksud meminta pinjaman, ialah meminta wang daripada ahli-ahli melalui caruman bulanan mereka ke dalam kumpulan wang KOHILAL untuk tabung al-Abrar (kabajikan), atau melalui saham, deposit-deposit simpanan ahli yang dipinjamkan semula untuk kepentingan ahli-ahli KOHILAL lain yang memerlukan bantuan pinjaman atau pembiayaan. "Kumpulan Wang KOHILAL" adalah seperti berikut ini:<sup>34</sup>

- (1) Bayaran Masuk,
- (2) Saham-saham,
- (3) Wang-wang pertaruhan daripada ahli dan bukan ahli,
- (4) Pinjaman-pinjaman,
- (5) Kumpulan Wang Cadang Berkanun,
- (6) Pemberian dan derma-derma,
- (7) Kumpulan wang Menebus Saham,
- (8) Lain-lain kumpulan wang yang dipersetujui oleh Ketua Pendaftar.

Semua kegiatan meminjam dan meminjamkan yang dijalankan oleh KOHILAL didapati sesuai dengan landasan hukum-hukum Shara<sup>c</sup>. Iaitu setiap wang caruman dinyatakan dengan jelas tujuannya, resit bayaran mencatatkan dengan terang tujuan semua caruman ahli. Ahli-ahli yang baru pula diminta membuat perakuan melalui borang permohonan menjadi ahli Koperasi.

---

<sup>34</sup> Ibid., hlm.7.

### **(3.4) Had Pinjaman Tertinggi KOHILAL.**

Had Pinjaman Tertinggi ialah jumlah pinjaman yang paling tinggi boleh dipinjam oleh KOHILAL daripada pihak lain, seperti meminjam daripada pihak bank atau mana-mana institusi kewangan. Had pinjaman tertinggi itu ditetapkan dalam mesyuarat agong KOHILAL. Ketetapan tersebut mestilah dipatuhi dan hanya boleh dipinda dengan persetujuan mesyuarat agong KOHILAL di tahun yang berikutnya.

#### **Had Pinjaman Tertinggi KOHILAL (1992 - 1994):**

Tahun	Had Tertinggi	Dengan Perkataan
1992	RM5,000,000.00	Lima Juta <sup>35</sup>
1993	RM5,000,000.00	Lima Juta <sup>36</sup>
1994	RM20,000,000.00	Dua Puluh Juta <sup>37</sup>

Sumber: Laporan Tahunan KOHLAL 1992/94

Semenjak ditubuhkan, terdapat hanya 4 kali KOHILAL menggunakan kemudahan pinjaman melalui Bank Islam Malaysia Berhad. Pinjaman paling tinggi yang pernah dibuat oleh KOHILAL ialah sebanyak RM850,000.00 sahaja, iaitu terlalu jauh rendah di bawah paras yang telah dibenarkan oleh Mesyuarat Agung KOHILAL. Mesyuarat agong KOHILAL juga sentiasa memperingatkan Lembaga Pengarah, bahawa KOHILAL tidak diizinkan berurusniaga dengan mana-mana bank kecuali Bank Islam Malaysia Berhad sahaja. Jabatan Koperasi difahamkan pernah menawarkan pinjaman secara konvensional, tetapi KOHILAL

<sup>35</sup>. KOHILAL, *Laporan Tahunan KOHILAL 1992*, hlm.14.

<sup>36</sup>. KOHILAL, *Laporan Tahunan KOHILAL 1993*, hlm.7.

<sup>37</sup>. KOHILAL, *Laporan Tahunan KOHILAL 1994*, hlm.6.

tetap dengan prinsipnya, haram meminjam dengan pinjaman riba, sekalipun dengan Skim Perbankan Tanpa Faedah (SPTF) di bank konvensional yang mereka anggap halal tetapi masih meragukan.

Berikut ini adalah catatan pinjaman KOHILAL yang pernah dibuat dengan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB), semua pembiayaan tidak pernah melebihi dari had tertinggi yang dibenarkan, bahkan jauh lebih rendah di bawah paras yang dibenarkan itu. Jumlah pinjaman yang paling tinggi pernah dibuat ialah pembiayaan BIMB untuk membeli sebuah bangunan Pusat Perubatan KOHILAL yang bernilai RM850,000.00, Catatan pinjaman dan pembiayaan yang pernah dibuat oleh KOHILAL dari semenjak ia mula beroperasi:<sup>38</sup>

- (1) Pembiayaan untuk membeli bangunan ibu pejabat di Jalan Sarikei Off Jalan Pahang, pada tahun 1993 melalui skim *al-Bai<sup>c</sup> Bithaman Ajil*, berjumlah RM400,000.00.
- (2) Pembiayaan untuk membeli sebuah bangunan Pusat Perubatan KOHILAL di Taman Melawati, Ulu Kelang, pada tahun 1993, bernilai RM850,000.00 melalui skim *al-Bai<sup>c</sup> Bithaman Ajil*.
- (3) Pembiayaan untuk membeli sebuah bangunan kilang di Mukim Batu berharga RM715,000.00 pada tahun 1994, dengan menggunakan skim *al-Bai<sup>c</sup> Bithaman Ajil*.

---

<sup>38.</sup> KOHILAL, Laporan Tahunan KOHILAL 1993- 1994.

(4) Pembiayaan untuk membeli sebuah bangunan kedai di Setapak, Kuala Lumpur, pada tahun 1995, berjumlah RM712,00.00, melalui skim *al-Bai* *Bithaman Ajil*.

### **(3.5) Pentadbiran Dan Pengurusan KOHILAL.**

KOHILAL ditubuhkan untuk memberi bantuan kepada ahli-ahlinya sahaja. Sebagai sebuah koperasi maka ahli-ahli berhak menentukan struktur organisasinya sendiri melalui mesyuarat agung koperasi. Ahli-ahli yang dilantik untuk mengendalikan koperasi diberi mandat sebagai **LEMBAGA** yang bertanggungjawab mentadbir dan mengurus perjalanan Koperasi. Seluruh perjalanan Koperasi mestilah tertakluk kepada Akta Koperasi Bil.33, tahun 1948, dan Undang-Undang Kecil Koperasi yang telah diluluskan oleh Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia pada 3hb. Jun, 1986.

#### **(3.5.1) Mesyuarat Agung Sebagai Kuasa Tertinggi Koperasi.**


Kuasa tertinggi dalam struktur organisasi KOHILAL ialah Mesyuarat Agung (General Meeting) seperti yang digambarkan dalam **CARTA (4)**. KOHILAL mempunyai dua jenis mesyuarat agung; iaitu Mesyuarat Agung Tahunan dan Mesyuarat Agung Khas. Mesyuarat Agung Tahunan dikhadiri oleh perwakilan untuk pemilihan ahli-ahli Lembaga Koperasi, mesyuarat ini diadakan sekurang-kurangnya sekali setahun, iaitu tidak lebih 15 bulan dari tarikh mesyuarat sebelumnya. Kedua, ialah Mesyuarat Agung Khas, mesyuarat ini dipanggil oleh Lembaga Pengarah pada bila-bila masa yang difikirkan mustahak, sesuai dengan peruntukan Undang-undang Kecil Koperasi 31, 34, 36 dan 39.<sup>39</sup>

---

<sup>39.</sup> KOHILAL, *Undang-Undang Kecil*, hlm.10 - 14.

KOHILAL berjalan di bawah struktur organisasi seperti berikut ini:-

**CARTA (4): Struktur Organisasi Pentadbiran & Pengurusan KOHILAL.**



Sumber: Koperasi Al-Hilal (M) Berhad.

### **(3.5.2) Lembaga Pengarah (Board of Directors)**

Pentadbiran KOHILAL dijalankan oleh Lembaga Pengarah yang dilantik oleh mesyuarat agung. Ahli-ahli Lembaga Pengarah tidak boleh melebihi daripada 12 orang, 9 orang dilantik oleh mesyuarat agung dan 3 orang lagi dilantik oleh Pengerusi Lembaga Pengarah dengan persetujuan ahli Lembaga Pengarah sesuai dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 41.<sup>40</sup>

Ahli-ahli Lembaga ini terdiri daripada seorang pengurusi, seorang Naib Pengerusi, seorang Setiausaha, seorang Bendahari dan yang lainnya sebagai ahli-ahli Lembaga.

### **(3.5.3) Jawatankuasa Kerja**

Jawatankuasa Kerja adalah dilantik oleh Lembaga Pengarah yang terdiri daripada Pengerusi dan tidak kurang daripada 4 orang ahli-ahli Lembaga Pengarah termasuk Pengurus Besar sesuai dengan Undang-undang Kecil 48. Jawatankuasa ini berperanan untuk menyelenggara hal ehwal KOHILAL dan menyampaikan semua keputusan-keputusan untuk disahkan oleh Lembaga Pengarah sesuai dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 47.<sup>41</sup>

---

<sup>40</sup>. Ibid., hlm.15.

<sup>41</sup>. Ibid., hlm.19.

### **(3.5.4) Lujnah-lujnah Koperasi**

Lujnah Sharieah dan lujnah-lujnah lain adalah dilantik oleh Lembaga Pengarah. Setiap lujnah dipengerusikan oleh ahli Lembaga Pengarah. Lujnah Sharieah bertanggungjawab untuk memberi pendapat dan nasihat yang berkaitan dengan hukum-hukum Shara<sup>e</sup> kepada Lembaga Pengarah atas seluruh hal ehwal perjalanan koperasi. Lujnah-lujnah lain, bertanggungjawab membantu Lembaga Pengarah dalam menjalankan pengurusan perniagaan KOHILAL. Semua lujnah-lujnah yang tersebut itu tidak dinyatakan dalam carta organisasi, tetapi kedudukan mereka adalah sangat penting dalam organisasi bagi membantu Lembaga Pengarah. Lujnah-lujnah ini sebagai (task force) kesatuan yang diberikan keistimewaan oleh Lembaga Pengarah (for a special purpose) bagi memantapkan kerja-kerja Lembaga Pengarah sesuai dengan peruntukan Undang-Undang Kecil 47 (22).<sup>42</sup>

Lujnah-lujnah tersebut ialah:

- (1) Lujnah Projek dan Produk,
- (2) Lujnah Pembangunan Komputer,
- (3) Lujnah Penerangan dan Latihan,
- (4) Lujnah Pentadbiran dan Sumber Manusia,
- (5) Lujnah Juadah dan Trading,
- (6) Lujnah Pusat Perubatan KOHILAL,
- (7) Lujnah Kilang dan kualiti,
- (8) Lujnah Keusahawanan, dan
- (9) Lujnah Perdagangan Antarabangsa

---

<sup>42.</sup> Ibid., hlm.18

### **(3.5.5) Pengurus Besar (General Manager)**

Pengurus Besar (General Manager) KOHILAL dilantik oleh Lembaga Pengarah mengikut peruntukan Undang-Undang Kecil 47, ceraian (13) untuk tujuan menjalankan pengurusan dan pentadbiran KOHILAL. Pengurus Besar bertanggungjawab bagi pihak Lembaga Pengarah ke atas semua pengurusan dan kakitangan harian yang ditempatkan di enam bahagian seperti di bawah ini:

- (1) Bahagian Pentadbiran
- (2) Bahagian Kewangan
- (3) Bahagian Projek dan Jutekoh
- (4) Bahagian Juadah dan Trading
- (5) Bahagian Keahlian dan Penerangan
- (6) Bahagian Skim dan Susulan Kredit.

### **(3.6) Kekuatan Pentadbiran KOHILAL**

Keyakinan ahli teletak di atas kekuatan pentadbiran dan pengurusan KOHILAL. Melihat kepada struktur pentadbiran oleh Lembaga Pengarah KOHILAL dan pengurusan pentadbiran kakitangan KOHILAL, serta semua Jawatankuasa Kecil, Lujnah Sharieah, Lujnah-lujnah lain dan Jawatankuasa Audit Dalam adalah membantu Lembaga Pengarah mentadbir dan mengurus seluruh perjalanan KOHILAL. Struktur pentadbiran yang mantap akan memberi keyakinan yang kuat kepada ahli-ahli KOHILAL. Mereka percaya KOHILAL mampu menjadi sebuah institusi kewangan Islam yang berupaya membantu mereka dalam mendapatkan pinjaman dan pembiayaan tanpa riba berlandaskan hukum-hukum Islam.

Dalam tinjauan yang dibuat di pejabat KOHILAL, suasana kerja Islam, adab-adab Islam menjadi budaya kerja yang sangat tinggi. Pengamatan dibuat dari sudut tingkah laku, tutur bahasa, pakaian dan pergaulan kakitangan sentiasa dijaga dan menunjukkan kemurnian bekerja berlandaskan Islam. Melayani tetamu yang datang berurusan dengan KOHILAL adalah merupakan kerja rutin yang sentiasa memerlukan kepada himah dan adab yang tinggi. Sekiranya perkara yang tersebut itu dapat dikekalkan dan dipertingkatkan, KOHILAL pasti menjadi koperasi contoh yang berjaya.

Pengerusi KOHILAL dalam keterangannya menjelaskan; "kakitangan KOHILAL sentiasa dibangunkan dengan tarbiyyah dan ukhwah Islamiyyah, mereka sering diberi kefahaman Islam, diberi kursus peningkatan kerja berkoperasi, samada kursus dalaman maupun menghadiri kursus-kursus luar. Mereka juga kadang-kadang dibawa kursus keluar kawasan seperti ke Port Dekson untuk memupuk barisan keluarga KOHILAL yang bertanggungjawab kepada Allah disamping dapat memikul amanah para ahli-ahlinya."

Oleh kerana KOHILAL merupakan sebuah persyarikatan, yang lebih condong kepada kerja kebajikan untuk ahli-ahlinya, masing-masing berharap wang mereka mestilah diurusniagakan dengan cara Islam. Maka tentulah tidak ada kaedah pengurusan yang paling baik selain dari Islam. Hanya urusniaga yang berlandaskan prinsip-prinsip hukum Islam dan pengurusan yang berlandaskan akhlaq-akhlaq Islam, barulah harapan dan setiap cita-cita ahli dapat dicapai.

### **(3.7) Ahli Lujnah Shari'ah**

Ahli Lujnah Shari'ah sekalipun tidak dinyatakan dalam struktur organisasi, tetapi kedudukan Lujnah Shari'ah di sisi Lembaga Pengarah sangat disanjung tinggi dan dihormati, Lembaga Pengarah meletakkanya di tempat yang paling istimewa (task force), segala pandangan dan nasihat hukum serta keputusan yang dibuat oleh Lujnah ini mestilah dihurmati. Kata Pengerusinya; "Apa ertinya kalau kami melantiknya, tetapi keputusan mereka kami tidak menghurmatinya, lebih-lebih lagi ia merupakan prinsip-prinsip hukum Allah yang keranaNya maka kita menubuhkan KOHILAL ini".<sup>43</sup>

Lujnah Shari'ah sebagai sebuah badan penasihat dan merupakan badan yang memerhatikan segala perlaksanaan aktiviti KOHILAL agar beroperasi selaras dengan penubuhannya iaitu mewujudkan satu sistem kewangan yang berlandaskan sistem Mu'amalat Islam. Oleh itu setiap aktiviti yang hendak dilaksanakan oleh pihak Lembaga akan dirujuk kepada Lujnah Shari'ah terlebih dahulu.

Berikut ini ialah senarai ahli-ahli Lujnah Shari'ah untuk diketahui pengenalan mereka secara lebih jelas, tujuannya ialah untuk menyakinkan kepercayaan ahli-ahli KOHILAL terhadap kaedah urusniaga, sepanjang opersinya selama ini berjalan di atas ladasan hukum Islam di bawah perhatian Lujnah Shari'ah:-

---

<sup>43.</sup> Temubual dengan Tuan Hj. Ismail bin Abdullah, Pengerusi Kohilal, di Pejabat Kohilal pada 4hb. Julai, 1995.

**Ahli-ahli Lujnah Shari'ah 1990:**

Dr. Daeng Sanusi bin Daeng Mariok (Pengerusi Lujnah)  
Dr. Abdullah bin Hj. Ibrahim  
Sdr. Adnan bin Hj. Abdullah  
Ust. Hassan bin Hj. Shukri  
Ust. Mohd. Akhir bin Yaacob  
Ust. Azizan bin Abd. Razak  
Ust. Ahmad bin Abu Bakar  
Tuan Hj. Ismail bin Abdullah.

**Ahli-ahli Lujnah Shari'ah 1991:**

Ust. Hassan bin Hj. Shukri (Pengerusi Lujnah)  
Dr. Abdullah bin Hj. Ibrahim  
Ust. Hj. Omar bin Hashim  
Sdr. Adnan bin Abdullah  
Ust. Mohd. Akhir bin Yaacob  
Ust. Azizan bin Abd. Razak  
Tuan Hj. Ismail bin Hj. Abdullah.

**Ahli-ahli Lujnah Shari'ah 1992:**

Ust. Hj Hassan bin Hj. Shukri (Pengerusi Lujnah)  
Tuan Hj. Ismail bin Hj. Abdullah  
Ust. Hj Omar bin Hasshim  
Ust. Azizan bin Abd. Razak

**Ahli-ahli Lujnah Shari'ah 1993:**

Ust. Hj. Hassan bin Hj. Shukri (Pengerusi Lujnah)

Dr. Abd. Rashid bin Dail

Ust. Hj. Omar bin Hashim

Tuan Hj. Ismail bin Hj. Abdullah

Tuan Hj. Wan Abdullah bin Wan Talib

**Ahli-ahli Lujnah Shari'ah 1994:**

Ust. Hj. Hassan bin Hj. Shukri (Pengerusi Lujnah)

Dr. Abdul Rashid bin Dail

Ust. Hj. Omar bin Hashim

Ust. Idris bin Omar

Tuan Hj. Ismail bin Hj. Abdullah.

Kewibawaan Lujnah-lujnah atau Majlis-majlis Shari'ah yang diwujudkan dalam sesebuah institusi kewangan, bank dan koperasi mestilah berdasarkan kepada faktor-faktor berikut:-

- (1) Ahli-ahli lujnah yang ramai dan bertaqwa.
- (2) Mempunyai kelayakan yang mendalam dalam fiqh al-Mu'amalat .
- (3) Ikhlas mengeluarkan pendapat, teguran dan keputusan.
- (4) Berani memperkatakan sesuatu yang benar sekalipun tidak dipersetujui oleh Lembaga Pengarah.
- (5) Memahami realiti urusniaga yang dijalankan oleh institusi kewangan, bank dan koperasi sebelum memberi nasihat atau membuat keputusan.

### **(3.8) Aktiviti Perniagaan KOHILAL:**

Sebagai sebuah koperasi milik ahli-ahli yang ramai, tentulah KOHILAL memerlukan aktiviti perniagaan yang boleh menguntungkan KOHILAL, dengan keuntungan tersebut barulah KOHILAL boleh membantu ahli-ahlinya memberikan pinjaman atau pembiayaan untuk membeli rumah, tanah, kendaraan dan lain-lain lagi.

Untuk memenuhi tuntutan tersebut, KOHILAL telah menjalankan dua projek yang agak popular atau lebih menonjol kepada ahli-ahlinya juga orang ramai ialah:

#### **(3.8.1) Projek Jualan Terus KOHILAL (JUTEKOH).**

Perprojek JUTEKOH telah mula beroperasi pada 18hb. Januari, 1990, produk sulung yang diperkenalkan ialah "Serbuk Pencuci Kain Hilal". Perprojek JUTEKOH ini ialah satu usaha mengeluarkan beberapa produk barang, serta memasarkannya ke seluruh negara. Sekarang ini, Jutekoh telah mempunyai 32 produk barang dan mempunyai 557 orang stokis yang berjaya mendapatkan perlantikan untuk menjadi pengedar barang KOHILAL.

Untuk melicinkan perjalanan projek JUTEKOH, KOHILAL mempunyai dua buah kilang yang mengeluarkan barang, dan sebuah kedai setor untuk urusniaga pengedaran barang kepada stokis-stokisnya. Projek tersebut berjaya membantu menyediakan bidang pekerjaan kepada ahli-ahli KOHILAL, samada kerja di bahagian penyediaan dan pengeluaran barang di kilang, pekerja

di kedai store pengedaran, Stokis pengedaran barang, hingga kepada dealer-dealer penjualan barang KOHILAL di pasaran. Kerja-kerja seperti itu sangat besar ertiannya kepada pendokong-pendokong Koperasi.

Projek JUTEKOII itu membawa keuntungan yang besar dan bermakna dalam sebuah organisasi koperasi seperti KOHILAL. Keadaan ini tidak akan didapati di institusi kewangan lain seperti bank, kerana bank adalah milik pemodal tertentu sahaja, semua orang yang berurusan dengan bank tidak menjadi pemilik kepada bank dan bank tidak menyediakan peluang pekerjaan yang mudah kepada mereka, pekerja bank sendiri hanyalah sebagai pekerja bukan pemilik. Berlainan dengan KOHILAL, setiap ahli boleh memohon untuk menjadi stokis atau dealer ke atas barang KOHILAL, sememangnya KOHILAL memerlukan lebih ramai lagi ahli terlibat dalam menjayakan projek yang dijalankannya. Ahli yang bekerja tidak hanya merasakan dia bekerja dengan orang lain tetapi dia bekerja untuk kepentingan Koperasi yang keuntungannya akan pulang kepada ahli-ahli sendiri.

Barangan yang dikeluarkan oleh KOHILAL adalah hasil usaha dari tangan ahli-ahlinya sendiri. Olehkerana itu setiap produk yang dikeluarkannya adalah hasil dari tangan orang-orang Islam yang dapat menjamin kebersihan dan kesuciannya, baik dari sudut kesihatan lebih-lebih lagi dari sudut hukum Islam. Kejayaan projek JUTEKOII bukan sahaja kejayaan KOHILAL, tetapi kejayaan umat Islam di negara ini dalam meningkatkan dan memajukan ekonomi negara.

Berikut ini adalah catatan jualan dan keuntungan projek JUTEKOII semenjak ia dilancarkan:

**Rekod Jualan JUTEKOII:**

Tahun	Jualan	Keuntungan
1990	<b>RM239,303.00</b>	<b>RM51,691.00</b>
1991	<b>RM502,302.88</b>	<b>RM47,316.40</b>
1992	<b>RM1,013,254.00</b>	<b>RM98,701.00</b>
1993	<b>RM1,742,445.75</b>	<b>RM158,639.00</b>
1994	<b>RM2,311,009.48</b>	<b>RM242,899.64</b>
<b>Jumlah:</b>	<b>RM5,808,265.61</b>	<b>RM599,247.04</b>

**Sumber: Lapuran Tahunan KOHILAL (1990 - 1994)**

Bacaan pada tahun 1994, JUTEKOII telah mencatatkan jualan sebanyak RM2.3 juta dengan keuntungan sebanyak RM242 ribu lebih, pertumbuhan tersebut adalah hasil jualan 32 produk barang JUTEKOII. Berbanding tahun 1990 tahun pertama pelancaran, di mana barang JUTEKOII hanya ada 13 jenis produk sahaja. Keduanya, kerana bertambahnya bilangan stokis dan dealer yang membantu jualan barangannya di pasaran.

**(3.8.2) Projek Jualan Mudah (JUADAH).**

JUADAH adalah projek perniagaan KOHILAL yang menjual alat-alat elektrik dan perabot rumah. KOHILAL telah menempatkan kedai pameran barang JUADAH di bawah bangunan pejabat pentadbirannya, semata-mata untuk memudahkan ahli-ahlinya serta orang ramai membuat pilihan ke atas pelbagai jenama, seperti Toshiba, Sanyo, Goldstar, Sony, Aiwa dan National.

Projek JUADAII bermaksud jualan mudah iaitu untuk memberi kemudahan kepada ahli-ahli KOHILAL, membeli barang dengan cara mudah, dengan 10 kali bayaran tanpa riba di bawah kaedah hukum *al-Murabahah*, iaitu menjual barang dengan menyebut kos dan keuntungan yang dikenakan. Tetapi kemudahan ini hanya untuk ahli-ahli KOHILAL sahaja, walaubagaimanapun, harga barang banyak membantu ahli kerana lebih murah dari kedai-kedai lain.

**Rekod Jualan dan keuntungan projek JUADAII:**

Tahun	Jualan	Keuntungan
1990	<b>RM19,890.00</b>	<b>RM3,214.00</b>
1991	<b>RM34,825.27</b>	<b>RM5,804.21</b>
1992	<b>RM17,560.00</b>	<b>RM3,239.00</b>
1993	<b>RM269,175.00</b>	<b>RM28,333.45</b>
1994	<b>RM865,812.13</b>	<b>RM82,348.11</b>
<b>Jumlah:</b>	<b>RM1,207,262.40</b>	<b>RM122,936.77</b>

**Sumber: Laporan Tahunan KOHILAL (1990 - 1994)**

Ternyata projek JUADAII mendapat sambutan yang sangat menggalakan dari kalangan ahli-ahli KOHILAL, pertumbuhan jualan projek JUADAII pada tahun 1994 meningkat 77 peratus, dari tahun 1990. Keuntungannya pula meningkat 76 peratus dari tahun 1990. Pertumbuhan yang baik ini kerana diperingkat awal, barang yang dijual hanya dari jenama Toshiba dan Sanyo, sementara ahli-ahli tidak dapat membuat pilihan yang sesuai dengan kehendak masing-masing. Sekarang JUADAII menjual semua jenis keperluan barang elektrik, termasuklah komputer, telefon bimbit dan sebagainya.

### **(3.9) Kesimpulan.**

Meskipun KOHILAL hanya mempunyai 2 buah anak syarikat sahaja untuk menjalankan kegiatan perniagaannya, tetapi kedua-duanya bergerak aktif dan maju, serta merekodkan pertambahan jualan dan keuntungan pada setiap tahun yang sangat menggalakkan. Projek JUTEKOH; keseluruhannya telah mencatatkan jualan dalam tempoh lima tahun sebanyak RM5,808,265.61 dengan mengutip keuntungan berjumlah RM599,247.04. Sedang projek JUADAH pula, keseluruhannya telah mencatatkan jualan sebanyak RM1,207,262.40 bagi tempoh 5 tahun, serta merekodkan kutipan keuntungannya berjumlah RM122,938.77.

Pertumbuhan bidang perniagaan yang baik ini, bukan sahaja mampu memberi keuntungan kepada ahli dan Koperasi, tetapi juga membantu ahli untuk mendapatkan peluang pekerjaan yang bersih dari riba. KOHILAL kini yakin, ia mampu menjadi sebuah institusi koperasi yang kukuh, serta dapat memberi khidmat bukan sahaja berbentuk kebajikan, tetapi juga mampu membantu ahli mendapatkan jumlah kadar "pinjaman dan pembiayaan" kewangan yang lebih besar, serta melibatkan lebih ramai lagi peminjam atau pemohon pembiayaan yang boleh mendapatkan bantuan daripada KOHILAL.